



akbar MARASISWA

Universiti Pertanian Malaysia

Jilid 1 Bil. 3

November/Disember 1990



Canselor UPM DYMM Sultan Selangor ditiringi Oleh Naib Canselor UPM melawat pameran di Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen

CANSELOR HARAP UPM DAPAT PERUNTUKAN WAJAR

NORLELA HASHIM

DULI Yang Maha Mulia Tuanku Canselor UPM, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah berharap UPM diberi peruntukan yang sejawarnya agar dapat memperlengkapkan kemudahan dan tempat rekreasi serta peralatan sukan yang secukupnya dari tahun ke setahun.

Titah baginda, sebagai institusi pengajian tinggi, tumpuan utama ialah untuk menyampaikan pengetahuan yang lengkap dalam pelbagai bidang yang diperlukan oleh masyarakat.

Universiti bukan sahaja memanfaatkan teori-teori yang diberikan untuk dihayati oleh pe-

lajar tetapi mereka juga dilatih dan didekah dengan pelbagai kemahiran hidup.

Baginda bertitah demikian ketika merasmikan Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen ke-14 di Bukit Ekspo.

Salah satu kegiatan yang penting ialah ko-kurikulum yang boleh meningkatkan corak penilaian yang dinamik bagi membina kecemerlangan pelajar.

Baginda bangga UPM telah melaksanakan pelbagai kegiatan ko-kurikulum yang memberi personaliti pelajar yang sihat, dinamik dan objektif.

Kegiatan seumpama

ini berguna sebagai menyediakan mereka untuk menghadapi pergaulan dan interaksi sosial dengan masyarakat luar kampus.

Titah baginda lagi, antara kegiatan ko-kurikulum yang diutamakan di universiti ini ialah sukan dan olahraga.

Kegiatan seperti ini berupaya melahirkan pelajar yang mempunyai ketahanan diri, berani menghadapi masalah, bersedia dari segi mental dan fizikal yang berguna kepada bangsa dan negara.

Beta percaya pelajar yang terlibat dalam ko-kurikulum akan menjadi seorang individu yang

berdisiplin, mampu berdikari dan dapat membantu masyarakat ke tahap yang lebih baik.

Baginda juga berharap UPM akan terus mempertingkatkan usaha menyediakan tenaga kerja yang berdisiplin, bekerja keras dan sentiasa memikirkan cara-cara meningkatkan produktiviti yang tinggi.

Usaha yang murni itu akan melahirkan graduan yang seimbang dari segi ilmu dan amalan sebagai persediaan menghadapi zaman kemajuan yang semakin mencabar.

SARJANA TANPA TESIS

RAZALI MOHAMAD

UPM telah melaksanakan kursus tanpa tesis di peringkat Sarjana (Master) program pengajian siswazah secara penyelidikan dan kerja kurusus untuk beberapa bidang.

Naib Canselor UPM, Tan Sri Dr. Nayan Ariffin berkata program ini adalah khusus untuk para profesional meningkatkan kecekapan dan pengetahuan dalam bidang yang diceburi.

Antara program itu adalah Sarjana Pertanian, Pendidikan, Ekonomi, Pendidikan Pengembangan, Perubatan Veterina, Teknologi Kejuruteraan Pertanian dan Teknologi Makanan.

Katanya bagi mem-

perkenalkan UPM di peringkat antarabangsa, pihaknya mengambil tindakan agresif untuk memastikan supaya perancangan, penyusunan dan pelaksanaan program pengajian siswazah di tahap kecemerlangan.

Pada semester ini kira-kira 100 siswazah luar negeri dan 400 siswazah dalam negeri sedang mengikuti program Sarjana dan Doktor Falsafah (Ph.D) di universiti ini.

Antara mereka ini datang dari Filipina, Indonesia, Thailand, Sri Lanka, Bangladesh, Nepal, Pakistan, Iraq dan Jepun (Asia), Ghana dan Sudan (Afrika) dan



TAN SRI Dr. NAYAN

German Barat (Eropah).

Menurutnya, UPM telah mendapat pengiktirafan antarabangsa termasuk agensi-agensi

pendidikan, penyelidikan dan pembangunan serantau dan luar negeri.

Tan Sri Dr. Nayan berkata lagi, bidang rumen mikro biologi, pemindahan embrio serta penghasilan vaksin untuk penyakit sampai ayam (Newcastle Disease) telah diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Malah, pihak International Development Research Council (IDRC) telah memberi kepercayaan kepada UPM untuk menyelaraskan semua projek IDRC tentang kesihatan di Asia.

Ini membuktikan bahawa kualiti penyelidikan yang dijalankan

oleh saintis-saintis UPM adalah setanding dengan universiti-universiti lain di luar negeri.

Kata beliau lagi pada tahun lalu, Dr. Rehana Abdullah Sani dari Fakulti Veterina dan Sains Pernakan dan tahun ini Dr. Khatijah Mohd. Yusoff dari Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar telah menerima Anugerah Saintis Muda Negara.

"Saya percaya kejayaan-kejayaan ini akan mendorong kepada saintis-saintis muda lain untuk meningkatkan mutu penyelidikan ke satu tahap yang lebih tinggi," tambahnya lagi.

KIRA-KIRA 60,000 pelawat dalam dan luar negara mengunjungi Ekspo Pertanian dan Pesta Konvo (EPPK) UPM selama empat hari berturut-turut bermula pada 16 hingga 19 Ogos lalu.

Pegawai Perhubungan UPM, Encik Rahmat Ismail berkata, jumlah pelawat ini termasuk orang ramai yang hadir di majlis Konvokesyen yang berlangsung dari pagi hingga petang. Bilangan pelawat ber-

60,000 KUNJUNGI PESTA

Norazuwa Mohd. Pahri

tambah dari masa ke semasa kerana terdapat pelbagai perubahan dari segi pameran, jualan dan acara yang diadakan bagi menarik minat masyarakat luar kampus.

EPPK ini bukan sahaja untuk merapatkan lagi hubungan masyarakat dengan universiti tetapi mempamerkan penemuan-penemuan baru dalam bidang pertanian dan teknologi yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat.

LIHAT M.S. 6 05/M

1990

13

IJAZAH BUKAN PASPORT

MUHAMMAD ZAWAWI YUSOF

Naib Canselor UPM, Tan Sri Dr. Nayan Ariffin menyifatkan ijazah dan diploma yang diperolehi bukan merupakan pasport untuk mendapatkan pekerjaan tetapi pengiktirafan ilmu bagi setiap graduan.

Jadikanlah ijazah dan diploma sebagai asas penting untuk menghadapi cabaran di samping melengkapkan diri dengan ciri-ciri kematangan dan kegigihan untuk kejayaan.

"Saya berharap semua graduan dapat menggunakan ilmu yang dipelajari dengan baik

demi kemakmuran bangsa dan negara," katanya di majlis konvoesyen ke-14 UPM.

Semoga semua kegiatan akademik dan koksirikulum yang diikuti dapat dimanfaatkan untuk memberi sumbangan yang positif ke arah pencapaian matlamat universiti ini.

Katanya, institut pengajian tinggi ditanggungjawab untuk menghasilkan siswazah yang sedia berkhidmat dengan badan-badan

dan institusi yang ditaja oleh kerajaan.

UPM sentiasa peka terhadap perkembangan baru untuk mengubahsuaikan program untuk membekaikan tenaga pekerja yang berproduktiviti tinggi.

Ini bererti UPM harus mengeluarkan graduan yang dinamis yang akan terus menjayakan usaha pembangunan secara lebih persaingan dan komersial.

Beliau berkata, dasar, matlamat dan strategi

UPM adalah berhubung rapat dengan dasar ekonomi negara demi pertumbuhannya untuk jangka panjang.

UPM mengambil langkah menggunakan pendekatan kepelbagaiannya dalam bidang pelajaran yang berkaitan dengan sektor pertanian.

Tan Sri Dr. Nayan yakin bidang pengajian kulturakubun yang meliputi buah-buahan, ornamental, sayur-sayuran yang dapat meningkatkan pertumbuhan industri buah-buahan dan pengindahan.



Acara Tarik tali – Salah Satu acara Kegemaran Sukan neka di KK 4 pada Hari Keluarga 90



Rohayu Abd. Aziz (tudung hitam) dengan adik angkatnya Nohazine Hajal

WUJUDKAN SATU KELUARGA — Pengetua KK4

Oleh

MUHAMMAD ZAWAWI YUSOF

Kerjasama merupakan faktor asas yang diperlukan untuk mewujudkan satu keluarga di kolej kediaman, menurut pengetua kolej kediaman keempat, Dr. Ghizan Salleh, semasa merasmikan hari keluarga kolej kediaman keempat (KK4), pada 16 Sept. lalu.

Beliau berharap dengan adanya hari keluarga ini dapat mewujudkan suasana yang sama seperti di kampung dan interaksi yang terdapat di kampung dapat diwujudkan di sini, seperti semangat gotong-royong dan semangat kerjasama.

"Tak kenal maka tak

cinta, oleh itu setiap penghuni haruslah memahami tingkah laku, mengetahui minat dan kebolehan seseorang terlebih dahulu, dengan itu matlamat kekeluargaan akan tercapai," katanya.

"Dalam setiap pertandingan, matlamat untuk mendapat kemenangan tidak penting tetapi kerjasama yang ditunjukkan dalam sesbuah kumpulan merupakan aspek yang penting bagi kejayaan kumpulan tersebut," tambahnya.

Menurutnya lagi, tanpa pelajar tidak akan ada pekerja dan tanpa pekerja tidak akan ada pelajar, oleh itu hu-

bungan di antara pekerja dan pelajar amat penting di setiap kolej kediaman.

Hari keluarga KK4 diadakan untuk mengeratkan lagi hubungan penghuni di samping melatih pelajar-pelajar baru dalam menjalankan aktiviti-aktiviti yang akan diadakan oleh kolej dan mengeratkan lagi hubungan di antara pelajar dengan kakitangan KK4.

Mengenai anugerah pekerja terbaik, beliau berharap agar pekerja yang mendapat anugerah dapat meningkatkan lagi prestasi pekerjaan dan akan menjadi contoh kepada pekerja lain.

SEMPENA Pesta Konvoesyen ke-14 UPM, Kolej Kediaman Ke-6 dengan bangganya telah dipilih untuk melaksanakan Projek Anak Yatim Dan Adik Angkat.

Projek di bawah anjuran Bahagian Pembangunan Manusia Fakulti Pendidikan UPM ini telah disertai oleh seramai 43 anak yatim yang kebanyakannya terdiri daripada anak kakitangan UPM sendiri.

Projek yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori 1 (13 hingga 16 tahun) dan kategori 2 (12 tahun ke bawah) dipengerusikan oleh Encik Ramli Zakaria.

Antara aktiviti yang telah dijalankan sempena majlis ini adalah ce-

ANAK ANGKAT KK 6

Azizulazrin Mohamad

ramah "Motivasi Dalam Pembelajaran" bagi pelajar sekolah menengah dan penceramah adalah dari pelajar tahun akhir Program Bacelor Pendidikan Bimbingan Dan Kaunseling.

Setelah itu peserta-peserta dibahagikan kepada kumpulan kecil untuk aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK). LDK ini telah diselenggarakan oleh tiga kauncelor dari pelajar tahun akhir BP&K iaitu Encik Hamdan Haji Mahfah, Puan Muahaini Musa dan Puan Karimah Hamat.

Bagi peserta kategori 2 diadakan pertandingan mewarnakan lukisan

yang ditaja oleh A&W dan hadiah diberikan kepada setiap peserta iaitu sumbangan dari pihak A&W dan Kolej Kediaman Ke-6 sendiri.

"Program ini sungguh menyeronokkan kerana saya dapat merasa masakan kolej ini yang sedap dan menikmati keindahan Bukit Ekspo," kata adik Ruhil Iman Abdul Rahman, 5 tahun peserta yang termuda.

Manakala adik Norazura Hajal (13 tahun) peserta kategori 1, pula gembira mengikuti program ini kerana baginya program pada kali ini lebih seronok jika dibandingkan dengan program yang pernah

beliau ikuti dan berharap agar perhubungan adik dan abang/kakak angkat ini dikekalkan buat selama-lamanya.

Salah seorang kakak angkat, saudari Rohayu Abd. Aziz pelajar Program Matrikulasi semester 3, berkata beliau juga gembira mendapat adik angkat dan dapat berbagi masalah serta menyedari hakikat bahawa mereka ini perlukan bantuan walau dari segi apa pun.

Projek ini telah mencapai matlamatnya iaitu dapat mengeratkan perhubungan antara anak yatim dengan penghuni Kolej Ke-6 yang menjadikan abang dan kakak angkat mereka dan seterusnya dengan kakitangan Kolej Ke-6.



NAIB CANSelor PER; Profesor Tan Sri Dato' Dr. Nayan Ariffin menyatakan masyarakat Malaysia mengamalkan sikap yang mengutamakan udara dan kawasan yang bersih dan indah.

Dalam kehairanan untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan peranian dan masyarakat, tanggungjawab untuk memelihara persekitaran alam sekitar tidak harus dilupakan.

"Dengan ini secara ti-

NC SERU AMAL SIKAP SUKA KEBERSIHAN

"Kebersihan hendaklah dijadikan sebagai sebahagian daripada budaya hidup masyarakat Malaysia," katanya di majlis perasmian Ekspo Pertanian dan Pesta Konvoesyen Ke-14 di Bukit Ekspo, Universiti Pertanian Malaysia.

Oleh itu langkah-langkah hendaklah diambil bagi memelihara dan mengindahkan kawasan pejabat, perindustrian, taman permainan dan rekreasi, serta kawasan perumahan dengan pelbagai tumbuhan dan tanaman.

"Dengan ini secara ti-

dak langsung, kita akan menikmati keselesaan, keharmonian dan kesegearan hidup dan membawa ke arah kualiti hidup yang baik," katanya lagi.

Kampus ini yang dikenali sebagai "Kampus Hijau" melambangkan universiti ke arah membeli keselesaan hidup kepada masyarakat kampus yang boleh menghirup udara yang bersih dan nyaman.

Tan Sri Dr. Nayan juga menyeru jabatan dan agensi kerajaan serta pihak swasta bertindak dengan lebih serius

bagi memusatkan pembangunan pertanian dan masyarakat.

Apa yang diperlukan ialah idea dan pandangan yang membina untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh sektor pertanian.

"Walaupun kerjasama antara pihak tertentu memuaskan, tetapi penyelidikan dan khidmat masyarakat perlu diperkuuhkan lagi bagi sumbangan pada masa akan datang," jelasnya.

Menurut beliau lagi, perkongsian ilmu serta penyelarasan aktiviti yang berkesan adalah syarat utama dalam mencapai hasrat pembangunan pertanian dan masyarakat yang lebih pesat.

Oleh:

JULIAH FADIR

AKHBAR MAHASISWA mengalau-alukan sumbangan berbentuk berita aktiviti-aktiviti kelab, persatuan dan kolej, rencana, puisi, cerpen dan sebagainya daripada anda. Hantarkan sumbangan anda itu kepada Ketua Editor, Akhbar Mahasiswa, d/a Bahagian Hal-Ehwal Pelajar.

BEKALAN ELEKTRIK DI KOLEJ

NIK SHAFIRUDDIN NIK SHAHAR SHAH

Cadangan untuk mengadakan soket elektrik di bilik-bilik di kolej kediaman dan pelajar pula dikenakan bayaran menggunakan sahaja.

Antara masalah lain ialah pelajar mungkin cuai menggunakan tenaga elektrik yang dibekalkan dan akhirnya menyebabkan kemalangan.

Menurutnya lagi, membuat sambungan elektrik secara haram adalah satu kesalahan jenayah dan pelajar boleh dihukum jika ditangkap kerana menyatakan ia itu 2 buah kenderaan roda 4 dan 12 motosikal.

Ini adalah kerana semasa kolej kediaman di-

bina, hanya untuk menerima bekalan kuasa elektrik yang cukup untuk lampu dan kipas di bilik-bilik sahaja.

Beliau juga menambah bahawa pihaknya merancang untuk menambahkan keupayaan mudah gerak dari jumlah yang ada sekarang iaitu 139 orang. Buat masa ini, pengawal-pengawal yang ada bertugas dalam 3 giliran sehari.

Beliau juga menambah bahawa pihaknya merancang untuk menambahkan keupayaan mudah gerak dari jumlah yang ada sekarang iaitu 2 buah kenderaan roda 4 dan 12 motosikal.

Beliau juga berharap agar pihak universiti dapat membekalkan sebuah kereta bomba yang kecil dan moden dan juga memberi peluang pengawal tinggal di kampus kerana buat masa ini, 90 peratus daripada pengawal tinggal jauh dari kampus.

Manakala hubungan antara pelajar dengan pengawal keselamatan, beliau menyatakan jika pelajar dapat memberikan kerjasama sepenuhnya terhadap mereka, itu sudah cukup sebagai penghubung yang erat antara pelajar dan

pengawal keselamatan. Katanya lagi, panggilan 'Pak Guard' yang diberikan oleh pelajar kepada pengawal adalah salah satu cara yang boleh menambahkan lagi kemesraan antara pelajar dan pengawal.

Beliau juga berharap agar warga kampus dapat menjadikan konsep 'Keselamatan Tanggungjawab Bersama' suatu realiti bagi menjamin keharmonian dan kesejahteraan hidup semua warga kampus hijau ini.

KHIDMAT KAUNSELING DI KOLEJ-KOLEJ

oleh — HUSAIN OSMAN DAN AHMAD JUSOH

Pelajar program Bimbingan dan Kaunseling, Bachelor Pendidikan semester tujuh buat julung kalinya menganjurkan perkhidmatan kaunseling di kolej-kolej kediaman pada 31 Ogos lalu.

Perkhidmatan kaunselor residensi ini adalah satu program baru dan merupakan latihan praktikal bagi makmal kaunseling 3 di bawah penyeliaan Pn. Khalijah bt. Mohamad.

Perkhidmatan ini bertujuan memberikan

bimbingan kepada pelajar dengan mengadakan aktiviti yang berbentuk pengembangan, peningkatan motivasi, peningkatan minat dan sebagainya.

Program ini juga melibatkan satu proses interaksi antara pelajar dan kaunselor yang memberikan kemudahan atau galakan yang bermakna berhubung dengan diri sendiri dan persekitaran melalui

perkhidmatan kaunseling individu dan kelompok.

Terdapat juga lain-lain perkhidmatan yang diberikan oleh kaunselor seperti perkhidmatan inventori, perkhidmatan maklumat kerjaya dan lain-lain perkhidmatan pengembangan.

Setiap kolej kediaman ditempatkan antara lima hingga enam kaunselor untuk berjumpa dengan kaunselor sedangkan

tu pelajar dalam menghadapi sebarang masalah yang berkaitan dengan peribadi, pelajaran dan juga pemilihan kerjaya dan diadakan sehinggalah pada penghujung semester ini.

Seorang kaunselor di KK5 yang ditemui, En. Abd. Aziz Mohamad memberitahu terdapat sesetengah pelajar berasa takut dan malu untuk berjumpa dengan kaunselor sedangkan

perkhidmatan yang diberikan sebenarnya bukan hanya kepada pelajar yang bermasalah sahaja, tetapi juga sekadar ingin tahu, minta pendapat, berkongsi pengalaman dan lain-lain keperluan yang berkaitan.

Tambahnya, ramai yang mencadangkan perkhidmatan ini diteruskan di Kolej Kediaman untuk masa-masa akan datang.

KOLEJ Kediaman Kedua telah mengadakan pertandingan malam Bintang KK2 pada 15hb. Sept. lepas di Dewan Kenyalang KK2.

Dalam pertandingan itu, Nasation Abdullah, Program Bac. Sc. Eko. Sumber tahun 1 berjaya menjuarai Bintang KK2 setelah menewaskan 7 peserta lain.

Saudara Nasation telah mendendangkan dua buah lagu, 'gerimis senja' sebagai lagu wajib dan 'Kau Lupa Janji' sebagai lagu pilihannya.

Tempat kedua dan ketiga disandang oleh Mat Jidin dan Mohd. Najid Abdillah dalam pertandingan yang diadakan setiap sesi itu bersempena Hari Keluarga KK2 pada 15 hingga 16hb. Sept. yang lalu.

Menurut Nasation, kemenangannya adalah kerana nasib memandangkan peserta-peserta lain hebat-hebat dan apa yang mendorongkannya untuk menevrtai pertandingan itu adalah kerana menjaga nama sekretariat kebudayaan KK2.

Tiga juri telah mengadili pertandingan itu di ketuai oleh Tuan Haji Mahmud Abdullah dari unit Kebudayaan HEP dan markah yang diberikan berdasarkan kepada pengeluaran suara, imbangan suara harmoni, patah lagu, penjelasan sebutan, tempo rentak dan persembahan keseluruhan.

Artis undangan yang turut serta pada malam itu, Azharulaman mempersembahkan dua buah lagu dari albumnya Malam Gelisah dan Tidurlah Cahayaku.

HADIRI SEMINAR KAUNSELING

Oleh:

Arshad bin Ismail

KIRA-KIRA 60 pelajar program Bimbingan dan Kaunseling, Falkulti Pengajian Pendidikan, UPM menghadiri Seminar Kebangsaan Kaunseling Masyarakat Islam selama 2 hari berturut-turut di Pusat Islam pada 25 September lalu.

Turut menghadiri seminar itu ialah Penyalaras Bimbingan dan Kaunseling, Dr. Hajah Mizan Adiliah Ahmad, Ibrahim, Encik Ali Yaacob dan Puan Halijah Mohamad.

Menurutnya, kira-kira 200,000 penduduk negara ini menghadiri seminar anjuran Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia (Yadim) dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, Datuk Dr. Sulaiman Daud.

Datuk Sulaiman berkata, perkira 21 peratus penceraian berlaku daripada sejumlah 754,182 perkahwinan bagi tempoh 1981 hingga 1988, manakala penagih najis dadah baru daripada 1988 hingga Mac lalu berjumlah 18,588 orang.

Di majlis itu beliau turut menyampaikan sijil kepada kira-kira 60 orang yang mengikuti kursus kaunseling untuk menjadi kaunselor dengan 'Kaunseling Sahabat' itu.

Menurut salah seorang peserta, Othman Mustaffa, seminar itu memberi pendedahan tentang konsep Islam dalam mengendalikan kaunseling masakini.

GELAGAT OLEH: SAID MAJID

KAD MATRIK WAJIB DIPAKAI

Oleh Nik Shafiruddin Nik Shahar Shah dan Suhaimi Ahmad



(335) dan motosikal pelajar (2429) yang didafarkan di Bahagian Keselamatan semester Ju-

lai ini.

Pengarah Bahagian

Keselamatan, Mejar

Suhaimi Ahmad

Denda atau yang dikenakan sa dinaikkan pa ngah-setengah an kerana te nyak kes ma dilaku

lajar.

Denda atau

yang dikenakan

sa dinaikkan pa

ngah-setengah

an kerana te

nyak kes

ma dilaku

lajar.

Denda atau

yang dikenakan

sa dinaikkan pa

ngah-setengah

an kerana te

nyak kes

ma dilaku

lajar.

Denda atau

yang dikenakan

sa dinaikkan pa

ngah-setengah

an kerana te

nyak kes

ma dilaku

lajar.

Denda atau

yang dikenakan

sa dinaikkan pa

ngah-setengah

an kerana te

nyak kes

ma dilaku

lajar.

Denda atau

yang dikenakan

sa dinaikkan pa

ngah-setengah

an kerana te

nyak kes

ma dilaku

lajar.

Denda atau

yang dikenakan

sa dinaikkan pa

ngah-setengah

an kerana te

nyak kes

ma dilaku

lajar.

Denda atau

yang dikenakan

sa dinaikkan pa

ngah-setengah

an kerana te

nyak kes

ma dilaku

lajar.

Denda atau

yang dikenakan

sa dinaikkan pa

ngah-setengah

an kerana te

nyak kes

ma dilaku

lajar.

Denda atau

yang dikenakan

sa dinaikkan pa

ngah-setengah

an kerana te

nyak kes

ma dilaku

lajar.

Denda atau

yang dikenakan

sa dinaikkan pa

ngah-setengah

an kerana te

nyak kes

ma dilaku

lajar.

Denda atau

yang dikenakan

sa dinaikkan pa

ngah-setengah

an kerana te

nyak kes

ma dilaku

lajar.

Denda atau

yang dikenakan

sa dinaikkan pa

ngah-setengah

an kerana te

nyak kes

ma dilaku

lajar.

Denda atau

MALAM REPLIKA KEMERDEKAAN

WAN AIDA WAN HASSAN

Tiga puluh peserta Malam Replika Kemerdekaan KK5 telah dijemput untuk memeriahkan Malam Perpaduan Negara yang diadakan di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 1 September lalu.

Malam Perpaduan Negara yang dianjurkan oleh Pertubuhan Industri Perikanan Pantai Timur Malaysia (PIPIT) bertujuan untuk mempertemukan sebahagian kecil antara pemimpin-pemimpin negara de-

ngan rakyat terutama ahli pertubuhan itu.

Selain diberi penghortaman menjadi pengacara majlis, rombongan pelajar KK5 telah juga memulakan acara pada malam itu dengan nyanyian lagu-lagu rakyat oleh Fellow KK5, Encik Aripin Said yang diiringi oleh kumpulan penari KK5. Rombongan pelajar ini telah juga mempersembahkan dikir barat.

Persembahan kebudayaan pada malam itu turut dijayakan oleh Badan Kebudayaan

Yayasan Negeri Sembilan, Negeri Kelantan Darul Naim dan Dewan Bandraya Kuala Lumpur.

Selain daripada Tetamu Diraja, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus dan Tuanku Ampuan, turut hadir sama ialah Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Dato' Sabaruddin CHik, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Datuk Isa Samad dan Menteri Besar Kelantan Darul Naim, Tan Sri Mohd. Yaakub.

MALAM PERPADUAN NEGARA


PIPIT
1HB SEPTEMBER 1990



Pelajar KK5 mengadakan persembahan di PWTC, Kuala Lumpur

PRO CANSELOR BANGGA DENGAN KAMPUS BINTULU

WAN ZUHAINIS SAAD



Kampus Bintulu, Sarawak

PRO-Canselor Universiti Pertanian Malaysia, Datuk Patinggi Tan Sri Hj. Abdul Taib Mahmud bangga kampus Universiti Pertanian Malaysia di Bintulu, Sarawak boleh menyumbangkan lagi konsep integrasi nasional di antara penuntut negara ini.

Kampus Bintulu adalah dianggap sebagai satu jentera untuk membina dan meningkatkan perasaan muhibah serta mempunyai sikap dan toleransi sesama mereka.

"Kampus Bintulu yang ditubuhkan pada 1974 adalah untuk menyediakan bakal-bakal graduan sebelum ke peringkat ijazah di Serdang," katanya di Majlis

Konvoesyen Universiti Pertanian Malaysia ke-14.

Di kampus Bintulu juga penuntut dapat mengenali dan mempelajari serta memperluaskan ilmu mereka di bidang pertanian dan perhutani.

Beliau berharap pelajar-pelajar di kampus ini berusaha bersungguh-sungguh supaya berupaya menempatkan diri dengan cemerlang di kampus Serdang kelak.

Datuk Patinggi Tan Sri Hj. Abdul Taib juga mengucapkan tahniah kepada semua pegawai akademik dan tadbir universiti ini yang telah mencurahkan ilmu dan membimbing mahasiswa universiti ini.

Keupayaan di bidang

akademik dan kurikulum banyak memberi faedah kepada pelajar itu sendiri dalam membentuk kemajuan diri sendiri untuk menghadapi masa depan yang lebih mencabar.

Manakala mahasiswa yang tamat pengajian pula diharapkan dapat menyumbangkan khidmat bakti kepada masyarakat terutama luar bandar bagi meningkatkan taraf hidup mereka.

Pelajar juga perlu melibatkan diri dalam program keusahawanan seperti pengendalian keroperasi dan latihan membina semangat yang bertujuan melatih mereka mempunyai sikap inisiatif dan bertanggungjawab.

Keupayaan yang ada di

negara ini perlu diteroka, bak kata pepatah "jika tiada dipecahan ruang, manakan dapat sagunya."

"Sikap yang mengharap seperti 'yang pipih datang melayang dan yang bulat datang menggolek' hendaklah dikikis," tambahnya lagi.

Beliau yakin keseimbangan sains dan teknologi akan dapat memberikan kemakmuran dan kesejahteraan hidup dalam meningkatkan kecemerlangan ilmu di universiti dan rakyat negara ini.

Ibu bapa pula diharapkan dapat memberikan galakan, bimbingan dan teguran kepada anak-anak mereka di kampus untuk terus mengamalkan budaya

BENGKEL PEMBINAAN PASUKAN

— AZIZAH —

Kelab Akhbar Mahasiswa UPM dengan kerjasama Bahagian Hal-Ehwal Pelajar UPM telah menganjurkan satu Bengkel Pembinaan Sepasukan (Team Spirit) di Baitul Hillal, Port Dickson pada 23 hingga 26 Ogos lalu.

Seramai 25 ahli kelab telah menyertai bengkel tersebut. Turut hadir dalam bengkel itu ialah dua penasihat kelab, juga kakitangan dari Bahagian Hal-Ehwal Pelajar.

Kelab Akhbar Mahasiswa UPM telah ditubuhkan pada sesi Julai 1989. Sepanjang sesi itu KAM hanya mampu menjalankan aktiviti-aktiviti di dalam kampus sahaja.

Oleh itu, pada sesi ini, KAM buat pertama kalinya, telah berjaya menjalani aktiviti luar sebagai langkah mengratkan hubungan antara ahli lama dengan ba-

ru serta mengemaskinkan organisasi kelab.

Objektif sebenar begkel ini diadakan ialah untuk membina satu pasukan di kalangan ahli KAM yang komited serta menanam semangat kesukarelaan di kalangan ahli dan kesediaan ahli untuk memberi sumbangan kepada matlamat kelab.

Sepanjang kursus ini, peserta bengkel telah didebak kepada cara-cara pengambilan berita yang betul dan yang diperlukan.

Sementara itu, ahli-ahli baru kelab juga dapat mengikuti 'lay out' yang dikelolakan oleh penasihat kelab, Hj. Afifi.

Selain itu, perkara yang sangat penting dan bersejarah kepada peserta bengkel khasnya ahli-ahli kelab itu sendiri ialah penghasilan 'Wardah Watikah' yang mengandungi matlamat

kelab iaitu memupuk budaya ilmu di kalangan masyarakat kampus melalui penulisan, pembacaan dan pemikiran.


Daripada matlamat ini, kelab berharap suaya dapat melahirkan masyarakat kampus yang lebih progresif dan dinamik serta golongan yang bertanggungjawab untuk menyuarakan pendapat masyarakat.

Pada keseluruhannya, bengkel tersebut berjalan lancar dan penglibatan ahli kelab adalah me-

muaskan.

Diharap program seumpama ini akan terus dijalankan di masa yang akan datang kerana ini adalah selari dengan tujuan kelab yang ingin memupuk semangat kerjasama (team spirit) di kalangan ahli kelab bagi mencapai matlamat kelab, sebagaimana yang telah di-

gariskan.



Penasihat KAM Haji Afifi Haji Ahmad memberi penerangan kepada ahli KAM.

KK 2 ANJUR KURSUS KEPIMPINAN

HUSAIN OSMAN & AHMAD JUSOH

Kolej Kediaman Ke-dua telah menganjurkan kursus kepimpinan pelajar bermula dari 20 hingga 23 Ogos 1990 di hut-an lipur Chamang, Bentong Pahang Darul Makmur.

Kursus ini bertujuan menanamkan sifat-sifat kepimpinan pada diri setiap peserta, serta mencungkil bakat-bakat kepimpinan yang berkebolehan untuk bercakap serta dapat menyampaikan idea-idea dan peka kepada perkembangan semasa.

Di samping itu juga mengenalpasti peserta yang mampu bagi mengantikan Jawatankuasa Tertinggi Pelajar Kolej Kediaman Kedua (JTP, KK2).

Seramai 84 peserta mengikuti kursus ini, mereka terdiri daripada 54 siswa dan 30 siswi meliputi pelbagai program pengajian dan semester pengajian.

Kursus yang dianjurkan bersama oleh KK2 dan bahagian Hal-Ehwal Pelajar (HEP) memekankan kepimpinan sebagai aspek penting bagi setiap mahasiswa

terutamanya kepada pelajar yang akan menamatkan pengajian mereka untuk berdepan dengan masyarakat yang masih memerlukan bimbingan.

Kursus ini dijalankan selama empat hari ini ditemui, Mohamad Hijaz bin Sanusi daripada program Bac. Sains Hortikultur semester 1 berpendapat melalui aktiviti yang dijalankan, sesuatu yang berguna dapat dipelajari di mana seorang siswa datang ke universiti bukan hanya untuk akademik semata-mata, tetapi juga perlu melengkapkan diri untuk menghadapi masyarakat bila tamat nanti.

"Sesuatu yang berfaedah dapat dipelajari tanpa membuang masa terutamanya pada masa cuti" tambahnya lagi.

Ekoran daripada kursus yang dijalankan ini, Kelab Chamang telah ditubuhkan sebagai lanjutan dan latihan kepada peserta melalui pengendalian beberapa aktiviti yang akan dijalankan oleh pihak kolej untuk dilaksanakan.

Menurut Presiden JTP, KK2 yang juga merupakan pengarah kursus kepimpinan pelajar,



Sebahagian peserta yang mengikuti kursus Bina Diri

KURSUS BINA DIRI

RAHA R.

UNIT Bimbungan Agama, Hal-Ehwal Pelajar UPM telah menganjurkan Kursus Pembinaan Diri Pelajar-pelajar Matrikulasi yang dihadiri oleh 60 pelajar matrikulasi semester 1 dan 3 pada 19 Ogos.

Kursus yang dirasmikan oleh Dekan Fakulti Sains Alam Sekitar, Prof. Dr. Badri Muhammad berlangsung selama

dua hari berturut-turut. Kursus ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pelajar supaya menjadikan Islam sebagai asas kecemerlangan diri.

Antara pembentangan kertas kerja ialah Encik Hassan Jamil (Pengurusan Diri Secara Bersepadu), Dr. Mohd. Salih Hj. Hassan (Pengurusan Diri Dan Masa),

Hj. Mohd. Daud Ibrahim (Pembersihan Rohani Asas Kecemerlangan Pelajar).

Turut membentangkan kertas kerja ialah Hj. Anuar Tahir (Pembentukan Keperibadian Pelajar Islam), manakala Encik Fuad Zarkashi (Pelajar Sebagai Bakal Pemimpin Masyarakat).

KEBAKARAN DI KOLEJ ZA'BA

SATU kebakaran telah berlaku di kawasan seluas 51 meter belakang Kolej Pendita Za'ba di antara sempadan UPM dengan MARDI pada 16 September lalu jam 2 petang.

Menurut sumber-sumber yang dipercayai, kebakaran itu berlaku berpuncu dari puntung rokok yang dibuang di kawasan terbabit.

Pengetua KPZ, Hj. Ali Hj. Yaacob bersama-sama dengan penghuni kolej telah berjaya memadamkan api dalam masa 20 minit sahaja. Dengan menggunakan alat pemadam api, kawasan berhampiran blok Pintar dan Cendekiawan itu berjaya diselamatkan.

Menurut seorang pelajar yang tidak mahu namanya disebutkan, kebakaran itu tidak mungkin berlaku sekiranya kawasan itu tidak dipenuhi dengan lalang. Katanya, kebakaran ini juga memberikan peringatan kepada pihak-pihak yang terlibat agar memastikan alat-alat mencegah kebakaran sentiasa berada dalam

keadaan sempurna dan dapat digunakan sepenuhnya apabila berlaku sebarang kebakaran.

Ini adalah kerana ada alat-alat itu yang tidak berfungsi semasa pelajar-pelajar cuba menggunakannya untuk memadam kebakaran itu.

Ada pelbagai cara yang dilakukan oleh pelajar universiti ini bagi menghadapi peperiksaan semester pada awal Oktober tahun ini sebelum memasuki dewan besar.

Sesetengah daripada mereka suka mengulangkaji secara individu supaya dapat memberi tumpuan yang lebih tanpa gangguan daripada rakan.

Tetapi cara yang paling popular ialah mengulangkaji secara kumpulan yang belajar melalui perbincangan di saat-saat yang terakhir.

Dua gambar di atas, walaupun tempatnya berbeza tetapi tujuannya sama untuk menghadapi peperiksaan melalui perbincangan dalam kumpulan kecil dan besar.

Bersambung Muka 1

Katanya, pada tahun ini kegiatan ko-kurikulum berbentuk riadah menjadi tumpuan, bersesuaian dengan tema "Kegiatan Riadah Untuk Kesihatan" yang dikendalikan oleh Fakulti Pengajian Pendidikan.

EPPK dan Majlis Konvokesyen UPM ke-14 ini telah dirasmikan oleh Canselor UPM, Sultan Selangor Darul Ehsan. Turut hadir sama ialah Pro Canselor yang baru iaitu Datuk Patinggi Tan Sri Hj. Taib Mahmud dan Tan Sri Abdul Samad Idris.

Di majlis konvokeyen itu Pro Canselor Tan Sri Ong Kee Hui dikurniakan Ijazah Ke-hormat, 6 menerima Doktor Falsafah, 14 Sarjana Sains, 5 Sarjana Pertanian, 3 Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan 21 Doktor Perubatan Veterinar.

Manakala peringkat Sarjana Muda pula, ia-lah Pendidikan Jasmani (51), Tesl (79), Bahasa Malaysia (122), Bimbingan dan Kaunseling (45), Sains Rumah tangga (19) dan Sains Pertanian (19) (Pendidikan).

Sains Perhutanan (20), Sains Perikanan (11), Sains Pertanian (64), Sains Pembangunan Manusia (28), Sains Hortikultur (14), Sains dan Teknologi Makanan (19) dan Sains Biologi (16).

Perakaunan (35),

PERTANDINGAN TINGKAT KEMBAR MUHAMMAD ZAWAWI YUSOF

Berbagai aktiviti telah dijalankan oleh Kolej Kediaman Keempat (KK4) untuk mengeratkan lagi tali kekeluargaan di antara penghuni.

Tingkat kembar di KK4 telah diwujudkan sejak beberapa tahun lalu atas usaha penghuni-nya dan dorongan peng-eta.

Ia merupakan ga-bungan di antara tingkat dari blok lelaki dengan blok wanita, di mana ahli-ahli antara tingkat ini akan menjadi satu keluarga.

Dengan adanya ting-kat kembar, setiap masalah yang dihadapi oleh tingkat akan cuba diata-si bersama oleh tingkat kembarnya.

Setiap tingkat kembar mempunyai nama dan lambangnya yang ter-sendiri.

TERIMA BIASISWA

Pelajar tahun 3, Fa-kulti Kedoktoran Veterinar dan Sains Penter-nakan, Tan Chee Kiang memenangi biasiswa bernilai \$2,500 sum-bangan Pfizer Private Limited.

Tan menerima sum-bangan daripada Peng-urus Pemasaran Pfizer, En. Phua Chui Hing di dalam satu majlis di fa-kulti itu.

Turut hadir di majlis itu ialah Dekan Fakulti Kedoktoran Veterinar dan Sains Penter-nakan, Professor Abdul Latif Ibrahim.

En. Phua berkata pi-haknya akan terus me-nyediakan biasiswa itu kepada penuntut yang berjaya menunjukkan kecemerlangan dalam bidang pengajian ma-sing-masing.

Tambahnya, prestasi yang baik dan cemerlang dalam bidang yang diceburi bukan sahaja berfaedah untuk diri sendiri tetapi juga untuk pertanian dan penternakan di dalam dan di luar negeri.

"Tujuan syarikat ini ialah untuk memajukan industri pertanian haiwan dan program pengajian yang ceburi dari masa ke se-masa", katanya.

En. Phua berkata pi-haknya akan terus me-nyediakan biasiswa itu kepada penuntut yang berjaya menunjukkan kecemerlangan dalam bidang pengajian ma-sing-masing.

JAMUAN KELUARGA

Oleh: Bakhari Ariff

SERAMAI 600 peng-huni Kolej Kediaman Keenam telah mengada-kan jamuan keluarga di Bukit EXPO pada 23 September baru-baru ini bermula 7.30 pagi hing-ga 2 petang.

Pemilihan lokasi di Bukit EXPO kerana memandangkan tempatnya nyaman dan mempunyai kawasan yang luas untuk diadakan acara-acara permainan.

Pengetua Kolej Kee-nam Haji Yaacob Ibrahim berkata, tujuan jamuan keluarga kali pertama ini adalah untuk mewujudkan semangat kekeluargaan antara ahli-ahli kolej.

Di samping untuk merapatkan silaturahim antara penghuni, jamuan ini juga untuk memberi


peluang kepada pelajar merehatkan fikiran dari pada ketegangan setelah sekian banyak waktu di-habiskan untuk kuliah, tutorial dan sebagainya.

Antara acara menarik pada hari itu ialah pertandingan tarik tali, lari dalam guni, passing be-lon dan lain-lain lagi.

Pelajar Matrikulasi, Jasrie Abd. Rahman, 19, berpendapat pro-gram ini akan lebih seronok jika digabungkan dengan kolej-kolej lain.

Juliah Fadir pula ber-kata tujuan untuk me-wujudkan semangat ka-kitaan antara penghuni kolej telah ter-capai memandangkan penghuni telah men-jukkan rasa tanggungjawab untuk bekerjasama antara satu sama lain





TNC (HEP) UPM. Turut memberi perangsang kepada peserta bahas.

KURSUS MOTIVASI DI ULU BENDOL

Wan Aida Wan Hassan

Kelab Rekreasi dan Biro Kebudayaan, Kolej Kediaman Kelima telah menganjurkan Kursus Motivasi 1 di Hutan Rekreasi Ulu Bendol, Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada cuti semester lalu.

Kursus itu yang bertemakan 'Motivasi Ke Arah Mencapai Kebermerlangan' bermula pada 23 hingga 26 Ogos. Ia disertai oleh 33 peserta, sembilan fasilitator kolej dan dua Fellow KK5,

iaitu Encik Zaid Ahmad dan Puan Zaharah Abdulla.

Peserta kursus adalah pelajar tahun pertama kolej yang keutamaan diberikan kepada pelajar yang mempunyai bakat kepimpinan, berminat dan mempunyai pengaruh di kalangan pelajar serta berpotensi untuk diketengahkan sebagai pemimpin pelapis untuk sesi akan datang.

Menurut Ketua Kelab Rekreasi KK5 Affendi

Abdul Wahid kursus itu adalah lebih kepada menggerakkan sikap positif di kalangan peserta kursus seperti keyakinan diri, kreatif dan menyemai sifat bertanggungjawab.

Beliau berpuas hati dengan maklum balas yang diterima daripada peserta kursus yang mengatakan kursus itu banyak memberi faedah kepada mereka secara peribadi.

Seorang peserta kur-

sus yang ditemui, pelajar tahun pertama Dip. Sains Komputer Fadzilah Ibrahim, mengatakan beliau dapat merasai perubahan pada diri selepas sahaja mengikuti kursus itu.

Beliau berasa lebih yakin dan bersemangat untuk belajar dan kursus seumpama ini perlu-lah kerap diadakan terutama bagi pelajar-pelajar baru.

Universiti Pertanian Malaysia turut serta dalam pertandingan perbahasan antara universiti, anjuran Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Hal-Ehwal Pelajar UKM di Bangi pada 7 hingga 9 September lalu.

Walaupun UPM gagal ke pertandingan akhir tetapi berjaya memasuki ke pertandingan separuh akhir dengan cemerlang. Pertandingan yang ditaja oleh TV3 itu, disertai oleh tujuh buah universiti di negara ini dan ITM juga turut

mengambil bahagian. Pertandingan perbahasan itu menggariskan beberapa tujuan, antaranya ialah supaya bahasa Malaysia terus ku-kuk sebagai bahasa ilmu dan bahasa rasmi yang berdaulat di negara ini.

UPM telah menghantar empat orang peserta iaitu Zulmilah Zainaluddin, Hasmidah Hassan, Mohd. Zulkifli Harun dan Sabasiah Husin. Manakala UKM, sebagai juara pertandingan itu telah membariskan empat peserta iaitu Nor Azma Zakaria, Mazlan Zarkashi dan Encik Zamri Hj. Ahmad.

Kassim Shariff dan Hamidah Sakandar Khan. Sementara USM diwakili oleh Ahmad Fauzi Ramli, Mohd. Fauzi Othman, Rubaiyah Abu Nawas dan Siti Rohayah Atan, muncul sebagai naib johan.

Hadiyah-hadiyah pertandingan disampaikan oleh Naib Canselor, UKM, Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Abd. Hamid Hj. Abd. Rahman kepada peserta-peserta.

Pensyarah yang turut membantu para peserta UPM ialah Encik Fuad Zarkashi dan Encik Zamri Hj. Ahmad.



Bersedia untuk menghadapi cabaran yang lebih besar

KERJASAMA FPP DENGAN UNIVERSITI LUAR

Zain Ariff

UNIVERSITI Pertanian Malaysia (UPM) akan memulakan program dua hala dengan negara luar untuk meningkatkan lagi mutu pendidikan dari segi pengajaran dan pembelajaran.

Dekan Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP), Profesor Madya Mohd. Shah Haji Lasim berkata, setakat ini pihaknya sedang merancang untuk menghantar pensyarah dan pelajarannya ke negara berkenaan.

Katanya, dengan kerjasama daripada British Council dan agensi pembangunan luar negara, penukaran tenaga pengajar antara kedua negara akan berjalan lancar.

Negara luar yang dikenali pasti dalam program ini ialah Great Britain dan beberapa universiti yang dijangka dipilih seperti University of Lancaster dan University of Manchester.

Ketika ditemui selepas perasmian Hari FPP Ke-15, beliau berkata, program dua hala ini akan berterusan antara empat hingga lima tahun. Hari

fakulti itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Dr. Leo Micheal Toyad.

Menurutnya, program jangkamasa panjang ini membabitkan bidang penyelidikan, kajian ilmiah, latihan mengajar dan kurikulum yang berfaedah antara kedua negara.

"Dengan penukaran ilmu pelbagai bidang itu tidak secara langsung akan menambahkan pengalaman serta meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan lagi," katanya.

UPM melalui FPP sentiasa berusaha meneliti dan mengkaji teknik pengajaran yang sistematis di samping menarik lebih ramai tenaga pengajar terutama program bahasa Inggeris semata-mata untuk mencapai matlamatnya.

Prof. Madya Mohd. Shah berkata, seramai lapan tenaga pengajar yang berkelayakan dalam bahasa Inggeris diambil untuk memastikan tujuan untuk meningkatkan bidang itu berjalan dengan lebih berkesan dan sempurna.

Kolej Kediaman Keempat (KK4) telah mengadakan satu majlis makan malam untuk penderma darah di dewan makan KK4 pada 19 Sept. lalu.

Jamuan tersebut diadakan untuk memberi penghargaan kepada penghuni KK4 yang telah menderma darah bagi sesi ini. Seramai 54 siswa dan 47 sisi KK4 telah menderma darah pada 11 hingga 13 Sept. lalu di Pusat Kesihatan UPM.

Menurut Pengetua

DERMA DARAH

MUHAMMAD ZAWAWI YUSOF

KK4, Dr. Ghizan Salih, menderma darah merupakan satu bakti yang ikhlak dari penderma kepada masyarakat di mana ia merupakan satu bakti yang tak ter nilai.

Menurut beliau lagi, menderma bukan sahaja untuk orang-orang yang berbadan besar tetapi kesihatan yang dapat menentukan seseorang itu boleh menderma atau tidak, jadi tidak

semestinya orang yang kurus tidak boleh menderma.

Beliau berharap agar penderma darah KK4 dapat menyumbangkan tenaga dan pemikiran kepada kolej terutama KK4.

Beliau tidak mahu penghuni KK4 menjadi canggih (Janggal) apabila bekerja nanti, jadi beliau berharap agar penghuni KK4 dapat menawarkan diri untuk

bersama-sama menjalankan setiap aktiviti yang dijalankan oleh KK4.

Dengan itu penghuni KK4 dapat belajar cara untuk berinteraksi, dihormati dan dapat melengkapkan diri sebelum masuki alam pekerjaan dan berkhidmat untuk masyarakat.

"Apabila kebolehan digabungkan dengan minat dapat menjadikan seseorang itu sebagai pemimpin dan rakyat yang berguna kepada masyarakat," katanya.

DERMA UNTUK KANAK-KANAK

Mazlah Awang

SERAMAI 17 balu, 33 kanak-kanak dan 35 murid sekolah menengah telah menerima bantuan kewangan sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvo ke-14 pada 19 Ogos lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Acara Kanak-kanak, Puan Fauziah Halimah Rashid berkata, sebanyak \$2305 berjaya dipungut dari kakitangan UPM dan orang perseorangan untuk derma anak-anak yatim.

Hasil kutipan di dermakan kepada 14 balu sebanyak \$105.50 seorang, 3 balu \$106.00 seorang, 13 kanak-kanak menerima \$10.00 seorang dan kanak-kanak sekolah rendah sebanyak \$5.00 seorang.

Katanya, sumbangan dan bantuan kewangan itu kepada mereka yang terabit semoga dapat mengurangkan beban keluarga anak-anak yatim sama ada dalam bentuk kewangan atau sumbangan lain yang ber-

faedah.

Semoga dengan per tolongan ini, setidak-tidaknya golongan ini dapat merasai kehidupan yang selesa dan tidak merasai diri mereka seolah-olah dilupakan.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terabit dalam menjayakan dan membantu memungut serta menderma kepada anak-anak yatim," tambahnya.

KURSUS PEMBINAAN DIRI

UNIT Bimbingan Agama Hal-Ehwal Pelajar Universiti Pertanian Malaysia telah mengajukan Kursus Pembinaan Diri Pelajar-pelajar Matrikulasi selama dua hari pada 19 Ogos lalu di Kolej Kediaman Ke-6.

Kursus yang dirasmikan oleh Profesor Ahmad Kamil dari Fakulti Sains dan Alam Sekitar membentangkan lima kertas kerja.

Encik Hassan Jamil

membentangkan kertas kerja bertajuk 'Pembinaan Diri Secara Bersepadu', 'Pengurusan Diri Dan Masa' oleh Dr. Mohd. Salleh Hj. Hassan.

Turut sama membentangkan kertas kerja ialah Ustaz Hj. Muhammad Daud Ibrahim (Pembersihan Rohani Asas Kecemerlangan Pelajar), Hj. Anuar Tahir (Pembentukan Keperibadian Pelajar Is-

lam) dan Encik Fuad Zarkashi (Pelajar Sebagai Bakal Pemimpin Masyarakat).

Ustaz Hj. Mohamed Daud berkata, tujuan kursus ini ialah untuk menyedarkan pelajar supaya menjadikan Islam sebagai asas kecermerlangan diri.

Beliau berharap pendekaran ini akan memberi kesan yang baik ke arah aspek pengurusan diri dan masa secara le-

bih sempurna.

Diharap juga melalui kursus ini dapat membina potensi intelektual, kerohanian dan meningkatkan keyakinan diri setiap pelajar.

Di akhir kursus ini, kira-kira 30 orang pelajar matrikulasi telah dibawa melawat ke Tamatan Pertanian Bukit Cerakah.

M. ROSLAN ISMAIL

Ulasan Buku



Kamarudin Haji Husin

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN LISAN



Judul Buku: Guru dan Perguruan

Pengarang: Noran Fauziah Yaakub Ahmad Mahdzan Ayob

Penerbit: DBP

Tebal: 171 m.s.

Harga: \$8.50

Tahun Terbit: 1990

Pengulas: Saaid Majid - PBMP-

BUKU Guru dan Perguruan ditulis oleh Dr. Noran Fauziah Yaakob seorang pensyarah di Fakulti Pengajaran Pendidikan dalam bidang Sosiologi Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia dan Dr. Ahmad Mahdzan Ayob Dekan Pengajaran Siswa-zah, Universiti Pertanian Malaysia. Mereka mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam ilmu pendidikan terutama dalam bidang sosiologi.

Buku ini berguna kepada mahasiswa yang mengambil ilmu pendidikan, guru-guru pelatih di institut dan maktab perguruan, pensyarah-pensyarah, guru-guru di sekolah rendah dan menengah.

Untuk pengetahuan, buku ini bukan sahaja dikhaskan kepada golongan pendidikan, tetapi berguna kepada mereka yang ingin mendapat gambaran yang lebih mendalam tentang guru dan perguruan.

Di dalam buku ini

membicarakan hal-hal guru dari dulu hingga sekarang, peranan guru, pendorong pilihan, guru yang disayangi, beberapa titik nila, siapa mereka, tidak jemu mendaki gunung, lengkok ke menara gading dan penutup bicara.

Penulisan buku ini merupakan sorotan umum terhadap profesi perguruan berdasarkan bahan-bahan bertulis dan penyelidikan.

Apa yang menarik dalam bab akhir ialah penulis cuba membawa pembaca bersama-sama meramalkan beberapa kemungkinan yang berlaku kepada guru dan perguruan pada abad ke-21. Kelayakan untuk menjadi guru semakin meningkat sejak 30 tahun lalu. Perubahan ini berlaku kerana sistem pendidikan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar daripada sekolah rendah sehinggalah ke peringkat falsafah dan perubatan.

Pengajaran lisan adalah satu aspek kemahiran yang paling asas dan utama dalam pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran ini perlu di kuasai oleh murid-murid. Oleh itu pengetahuan dan ilmu tentang pengajaran lisan penting kepada pendidik.

Banyak perkara yang dibincangkan di dalam buku ini, antaranya ia-

Judul Buku: Pengajaran dan Pembelajaran Lisan

Pengarang: Kamarudin Haji Husin

Penerbit: DBP

Tebal: 296 m.s.

Harga: \$12.50

Tahun Terbitan: 1990

Pengulas: Saaid Majid

BUKU Pengajaran dan Pembelajaran Lisan ditulis oleh Encik Kamarudin Haji Husin. Beliau seorang pensyarah di Fakulti Pengajaran Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia dalam bidang Pedagogi Bahasa. Beliau seorang yang gigih menulis buku-buku ilmiah. Antara buku-buku yang telah terbit ialah Panduan Latihan Mengajar, Kaedah Pengajaran Kesusteraan, KBSM dan Model-model Pengajaran Bahasa, Pedagogi Bahasa, Pedagogi 2, 3, dan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa.

Pengajaran lisan adalah satu aspek kemahiran yang paling asas dan utama dalam pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran ini perlu di kuasai oleh murid-murid. Oleh itu pengetahuan dan ilmu tentang pengajaran lisan penting kepada pendidik.

Banyak perkara yang dibincangkan di dalam buku ini, antaranya ia-

lah menjelaskan pengertian, maklumat dan tujuan, konsep-konsep serta kepentingan lisan, jenis-jenis latih tubi dan cara-cara melaksanakannya di dalam bilik darjah, jenis-jenis aktiviti-aktiviti lisan dan cara mengendalikannya, pendekatan mengajar lisan, alat-alat bantu mengajar lisan, bentuk dan sistem penilaian, masalah-masalah pengajaran lisan, kaedah, teknik dan strategi pengajaran lisan.

Buku ini disusun dengan terperinci yang membincarkan tentang pengajaran lisan. Setakat ini, ia merupakan sebuah buku dalam bahasa Malaysia yang lengkap membincarkan tentang pengajaran lisan dan sesuai digunakan oleh guru-guru, guru-guru pelatih di institusi pengajaran tinggi, maktab perguruan dan mereka yang terlibat serta berminat dalam bidang ini.

FPP TUBUH ALUMNI

Zain Ariff



Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Mahmood

an alumni FPP mengadakan seminar dan konvensyen bagi mengeratkan hubungan sesama mereka.

Dengan adanya, persatuan ini berupaya membuat tuntutan kepada pihak terbabit sekiranya ada perkara-perkara yang menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan mereka.

Dalam mesyuarat itu, penyelaras Unit Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama FPP, Encik Ibrahim Haji Salleh dilantik menjadi pengurus manakala naib pengurusnya, Puan Leela Ali dan Abdullah Yahya.

PBMP TELAH HASILKAN 439 KAJIAN.

PROGRAM Bachelor Pendidikan Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama (PBMP) telah menghasilkan sebanyak 439 kajian ilmiah mengenai Bahasa Malaysia dan Kesusteraan Melayu sejak program ini dimulakan pada 1981 lalu.

Fakulti Pengajaran Pendidikan (FPP) memulakan program PBMP pada 1981 dengan pengambilan pertama seramai 36 pelajar dan hingga (1990) meningkat kepada 603 pelajar semuanya.

Timbalan Dekan (HEP) FPP, Profesor Madya Dr. Abdul Hamid Mahmood dalam buku Sari Penyelidikan Bahasa Malaysia: sebagai kajian ilmiah di UPM, berkata, program ini diadakan selepas bengkel PBMP pada 22 Januari 1981 dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka.

Menurutnya, kajian terhadap Bahasa Malaysia itu penting untuk dijadikan panduan dan rujukan dalam usaha merancang kurikulum bahasa di samping mengatasi masalah kebahasaan di kalangan pelajar sekolah.

PENGUMUMAN

Mulai Keluaran Seterusnya, Akhbar Mahasiswa akan mengadakan ruangan SURAT Pembaca. Oleh itu jika anda ingin menyatakan Sebarang Masalah, pendapat, komen atau hal-hal di kampus. Sila hantar tulisan anda itu ke meja Pengarang Am d/a En. Yahaya Saltm, HEP.



BERSAMA SAMAD SAID

Norhanida Noordin Merican

PROGRAM Bachelor Pendidikan (PBMP) Semester 5, Fakulti Pengajian Pendidikan mengajurkan majlis Sepe-tang Bersama A. Samad Said di Dewan Seminar Veterinar pada September lalu.

Turut hadir sama di majlis itu ialah Timbalan Dekan (HEP) FPP, Prof. Madya Abdul Hamid Mahmood, Prof. Madya Taha Abdul Kadir selaku penasihat, Ketua Satu Pena, Encik Maarof Saad, Encik Abdul Ghani Abdullah dan Encik Zahari Affendi.

Sasterawan Negara A. Samad Said dilahirkan di Belimbang Dalam, Melaka pada 9 April 1935. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu hingga darjah empat, kemudian melanjutkan pelajaran ke sekolah Inggeris dan lulus peperiksaan School Certificate pada 1956.

Dalam sesi dialog dengan para peserta, da-

patlah dilihat versatiliti A. Samad Said digambarkan melalui pengalamananya dalam pelbagai bentuk kesusteraan dimulai dengan puisi dan cerpen, meningkat kepada novel, drama dan kritikan sastera.

Kejayaan beliau sebagai sasterawan adalah hasil daripada pengalamananya dan berkat kerajinannya membaca karya-karya orang lain. Dia menggunting karya tersebut dari akbar tempatan dan mengkajiinya dengan teliti.

Kesungguhan beliau terbukti apabila menerima pelbagai anugerah sastera dalam dan luar negara termasuk pada 1985 dikurniakan 'Anugerah Sastera Negara' oleh kerajaan.

Tetapi malangnya pada 23 Julai 1989, A. Samad Said melancarkan 'mogok seni' dan menyimpan penanya selama lima tahun.

Bagaimanapun dalam pertemuan dengan para

peserta, beliau telah menjelaskan dengan panjang lebar mengapa bertindak demikian dan menarik semula keputusan mogok seni.

SATU NOSTALGIA KENANGAN DI PUNCAK BEREMBAN

Oleh: AKU

KISAH DARI:

Bengkel Pembinaan Kumpulan Kelab Pandu Putri UPM
15 - 20 Jun 1990

MANIFESTASI TENTANG KEBERANIAN DAN KEBOLEHAN YANG MENJADIKAN ANGAH BAGAI BURUNG YANG BEBAS DAN LEPAS UNTUK BERKARYA ... SAYANGNYA POKOK-POKOK DI DALAM KAMPUS TIDAK MEMPUNYAI TALI SEPERTI ITU.... ??



GRUP TEATER PERSEMBAHKAN ANA DAN FAJAR MENYINGSING

Nordin Ahmad

GRUP Teater UPM membuka tirai pada semester ini dengan mempersembahkan dua drama yang melibatkan pelakon lama dan baru yang berpotensi.

Pengerusinya Hj. Said Hj. Nordin berkata drama 'Ana' dipersenangkan di Pesta Konvo UPM sebagai drama undangan yang menampilkan pelakon lama yang berpengalaman.

Drama 'Ana' karya Derisman, mengisahkan anak tunggal yang tidak mahu menurut kehendak ibu bapanya lalu berkahwin dengan jejak-pilihan mereka.

'Ana' yang dilakukan oleh Siti Normansah, bagaimanapun tidak menolak permintaan itu tanpa memberi sebarang alasan yang kukuh.

Ini membuatkan bapanya semakin marah terhadap sikap anaknya yang degil dan tidak mahu menurut kehendaknya.

Pada keseluruhannya drama ini berjaya dengan sendirinya membuat penonton marah kepada Ana dan sentiasa di dalam keadaan tertanya-tanya akan keputusan yang akan diambil oleh Ana.

Turut menjayakan drama ini ialah pelajar-pelajar PBMP (FPP) tahun akhir, iaitu pengadunnya Mohd. Razali Yakub, Mohd. Taib Othman dan Muhamain Yahya.

Manakala Drama 'Fa-jar Menyingsing' skrip dan arahan oleh Abdul Halim Bandar di bawah naungan Grup Teater UPM dipersembahkan di Bukit Ekspo sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Ke-14.

Drama ini menampilkan beberapa orang pelakon yang terdiri daripada pelajar baru semester ini sebagai penggalan kegiatan teater dengan lebih aktif lagi.

Abdul Halim yang dibantu oleh penolong pengadunnya Kamisah Mohd. Ghazali berjaya menyelitkan unsur-unsur keislaman sebagai tema utamanya.

Drama purba ini mengisahkan sebuah negeri yang dilanggar ombak besar dan mengorbankan masyarakat kampung itu. Sultan memerintah rakyatnya melawan ombak tetapi gagal.

Seorang pengembara Islam yang kebetulan singgah di kampung itu membantu Sultan menahan ombak dengan memohon pertolongan daripada Tuhan Yang Maha Esa.

Apa yang hendak disampaikan ialah perbuatan tolak bala dan puja pantai adalah satu perbuatan yang khurafat dan dilarang di sisi agama Islam.

Barisan pelakon yang berjaya menghidupkan drama ini ialah Haidi Hasnalee Tubah, Juhilin L. Takun, Rizal Md. Shariff, Nor Aidil Razman dan Rosmani Mohd. Daud.

Menurut Hj. Said, grup teater UPM akan bergerak lebih cergas lagi memandangkan sambutan daripada pelakon dan penonton sangat menggalakkan.

"Kami akan berusaha mementaskan drama di Panggung Percubaan UPM dari masa ke semasa yang boleh memberi mesej pengajaran dan teladan yang baik kepada mahasiswa."

Pagi-pagi lagi pada 17 Jun kami seramai 30 anggota mula membuka langkah meninggalkan kem. Buat kali ketiga dalam rangka bengkel kami, kami melalui pekan Tanah Rata. Siswa-siswi berjalan selama saja melintasi pekan tersebut dan seperti biasa terdengar di kiri kanan kami siulan anak-anak muda Tanah Rata menyapa ganggu siswi-siswi. Pada mereka (siswi-siswi) perkara ini perkara biasa dan seperti kali-kali yang lalu mereka senyum pun tidak, sehinggi pun tidak.

"Boleh jadi mereka fikir diri mereka tinggal di menara gading - tentu berbeza dengan yang bersiul-siul itu...." fikirku cuba mencari jawapan.

Ada lagi tempat-tempat yang selalu siswi-siswi peserta bengkel ini disapa ganggu. Di antara tempat yang paling terkenal ialah yang berhampiran dengan sebuah sekolah menengah di mana sekumpulan pekerja-pekerja kontrak sedang giat membina sebuah longkang saluran air di sebatang sungai kecil. Aku masih teringat tentang semalam ketika kami melintasi kawasan kerja mereka, semua pekerja kontrak itu akan meninggalkan kerja-kerja mereka dan naik ke tebing dan mermerhati kami berjalan.

Sudah pasti perhatian ditumpukan kepada siswi-siswi. Aku masih seperti terdengar-dengar arahan daripada Lina yang menjadi ketua kepada kumpulan siswi-siswi itu....

"Jalan seperti biasa dan jangan ada seorang pun yang memberi apa-apa reaksi." Tegas sedikit arahannya walaupun dia terkenal dengan lemah-lebutnya.

Seperti yang dijangka, ketika kami melintasi kawasan berkenaan, semua pekerja-pekerja kontrak naik ke tebing sungai kecil itu untuk menyapa ganggu siswi-siswi. Aku berjalan paling belakang sekali sementara Shukri berada di hadapan dan Rashid

serta Kassim berada di tengah-tengah kumpulan. Kami berempat saja yang laki-laki di dalam kumpulan siswi-siswi seramai 30 orang itu. Dari belakang aku dengar macam-macam siswi-siswi kena ganggu.

"Semua ni dah makan pagi ke?" Demikian tanya ganggu seorang anak muda pekerja kontrak yang berambut keriting.

"Nasib baiklah adik-adik lalu lagi, senang hati kami, kerja pun tambah kuat." Kata salah seorang dari mereka yang kelihatan membalut kepalanya dengan tuala merah usang.

Aku dengar juga seorang anak muda yang tinggi lampai menyapa sambil menggesat peluhnya dengan tualanya yang telah bertukar warna.

"Dia orang ini semuanya ada tanda nama, tau!" Jeritnya memberitahu kawan-kawanya dan kemudiannya menyambung.

"Yang ini nama Along, yang itu Nie, yang itu Nani, yang itu pula Bad, yang hitam manis tu Sugu, yang tinggi ni Lung...."

Macam-macam lagi aku dengar. Aku hanya tersenyum. Aku pasti Shukri yang berada di hadapan tentu merah padam mukanya menahan marah. Maklumlah dia sajalah seorang siswa tunggal bersama dalam kumpulan kami.

Begitulah mereka menyebut satu persatu nama-nama siswi-siswi. Semuanya kerana tanda nama yang tersemat di baju mereka. Terasa juga salahnya aku memberi arahan kepada semua peserta supaya sentiasa memakai tanda nama ke mana saja pergi dalam masa mereka sedang menjalani bengkel ini.

Dalam aku berfikir-fikir aku tersentak kerana aku disapa oleh seorang yang paling senior di antara pekerja-pekerja



Pengerusi KAM, Norhanida Nordin bersama A. Samad Said

YAHYA SULONG DI MALAM KEBUDAYAAN

Nor'azwa Mohd. Pahri

PELAWAK terkenal, Encik Yahya Sulong turut memeriahkan lagi 'Malam Kebudayaan' sempena Pesta Konvo kesyen Universiti Pertanian Malaysia (UPM) ke-14 di Bukit Ekspo UPM, pada jam 9.00 malam, 17 Ogos yang lalu.

Kakitangan Unit Kebudayaan Hal-Ehwal Pelajar (HEP), Encik Azizul Rahman b. Manja mengendalikan persembahan 'Malam Kebudayaan' setiap tahun.

Persembahan yang terdiri dari kumpulan

band oleh Band Melody Kinabalu, tarian 'Mognatip' (tarian Sabah) dari Persatuan Anak-anak Sabah dan Dikir Barat dari Persatuan Kebudayaan UPM.

Band Melody Kinabalu telah menyampaikan lima buah lagu dan kese muanya adalah lagu-lagu Sabah.

Sebagai pengacara Malam Kebudayaan, Encik Yahaya Sulong berjaya mencuitkan perasaan penonton dengan gelak ketawa dan menghiburkan penonton yang hadir.

Beliau yang lebih suka dipanggil 'Pak cik' menyatakan hasrat agar persembahan tetap diadakan pada setiap kali Pesta Konvo kesyen dan berharap pelajar-pelajar tampil ke hadapan menunjukkan bakat mereka kepada orang ramai, khasnya kepada masyarakat luar.

"Orang ramai semuanya ingin tahu bagaimana corak pertunjukan pelajar-pelajar universiti," ujar beliau lagi.

Turut menjayakan drama ini ialah pelajar-pelajar PBMP (FPP) tahun akhir, iaitu pengadunnya Mohd. Razali Yakub, Mohd. Taib Othman dan Muhamain Yahya.

Manakala Drama 'Fa-jar Menyingsing' skrip dan arahan oleh Abdul Halim Bandar di bawah naungan Grup Teater UPM dipersembahkan di Bukit Ekspo sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvo kesyen Ke-14.

Dari Muka 9

ja kontrak itu dan boleh jadi orang ini agaknya Kapitan mereka.

"Hai la... Guru Besar! Katanya dan kemudian menyambung ... anak-anak murid cikgu ... semua come-come belaka! Suara-nya garau menyapa dalam loghat Keltantan."

Aku hanya sekadar tersenyum kerana aku terasa susah sangat nak balas kata-kata itu. Lagipun aku rasa memang betul seperti kata Kapitan itu! Aku tersentak daripada tersenyum seingku Rashid dan Kassim tertawa terbahak-bahak dan diikuti pula dengan beberapa sisw-siswi turut ketawa. Pada mulanya aku ingat hanya boleh jadi kejadian yang menggelikan hati telah berlaku yang membuatkan mereka semua ketawa. Tapi aku mula menjadi syak kerana mereka memandang ke arah aku. Aku terping-pinga.

"Dia orang ketawa kerana.... kerana orang tadi tu memanggil encik... sebagai "guru besar." Kata Lina memberitahu aku.

Aku tersenyum. Sekali lagi aku terasa susah nak beri komen.

Encik.... memang layaklah!"

Terdengar suara Angah berteriak kepada dan disambut dengan ketawa oleh siswa-siswi lain. Angah pada awal bengkel adalah peserta yang pindam tetapi bertukar menjadi paling aktif pada hari kedua bengkel. Bermula pada waktu ituulah, kadang-kadang mereka memanggil aku dengan panggilan "guru besar!"

Perjalanan kami diteruskan dan selepas melalui kawasan MARDI kami tiba di kaki Gunung Beremban. Kami tiba ke matlamat sebenar adalah untuk mendaki Gunung Beremban itu.

Sisi-siswku memilih route 7 untuk sampai ke puncak Beremban dan sedikit demi sedikit siswku mendaki perlahan-lahan. Suara-suara dan nada-nada gembira terdengar dari siswi-siswi yang memuji-muji kagum dengan keindahan kebun teh MARDI serta keindahan persekitaran kaki Gunung Beremban di waktu pagi. Kelebihan sebahagian siswi-siswku berlari-lari anak di celah-celah pokok-pokok teh sambil membela-belai pucuk-pucuk teh yang masih hijau muda. Beberapa orang daripada mereka sibuk merakam sejarah dengan bergambar di sana dan bergambar di sini dengan pelbagai gaya dan cara. Ada juga yang mengajak Rashid, Shukri dan Kassim bergam-

bar. Aku terdengar kata-kata Zura yang bersal dari Kedah.

"Bergayakah kita...? Macam Asha Parekh dalam Pyar Ka Moassam!" sambil dia melagukan dua tiga baris lagu Hindustan yang aku tidak faham mak-sudnya.

Begitulah riangnya mereka.

Dalam menyaksikan kegirangan mereka di kaki Gunung Beremban, aku teringat pada kali pertama aku bertemu dengan mereka untuk bengkel ini. Aku masih ingat betapa dinginnya mereka ketika aku muncul kali pertama berhadapan dengan mereka.

Maklumlah mereka dan aku masih belum begitu kenal, kalau adapun yang kenal, boleh jadi pada mereka itu, itu hanya 'kenal-kenal pejabat' saja. 'Kenal-kenal' antara pemegang peraturan dengan orang yang akan dikenakan peraturan. Agaknya begitu, dan aku fikir ada lagi pelajar lain berfikiran begitu. Kata kawan-ku Mahfoor, seorang pensyarah, dengan pensyarah-pensyarah pun lebih kurang macam tu. Dan kalaualah begitu tentulah kehidupan mereka di kampus menjadi terlalu....

"Ah! Susah nak menelah-nelah. Buat susah fikiran saja!" kata hatiku.

Fikiran aku berbalik pada malam pertama aku berjumpa mereka. Aku masih ingat aku perhati setiap dari mereka satu persatu, ada yang berseluap dengree, ada yang memakai tudung berwarna putih, ada yang memakai tudung warna hitam, ada yang memakai tudung berwarna jingga, iaitu warna yang paling aku gemari, dan macam-macam warna lagi. Juga ada yang bertudung pendek, yang sederhana dan juga yang tertudung labuh malah ada juga tidak bertudung. Aku terfikir ketika itu bahawa Kumpulan Pandu Putri ini mewakili gambaran siswi-siswi UPM.

Pada waktu itu aku teringat kat TNC bahawa halangan yang paling besar dalam mana-mana kursus atau bengkel pun ialah bagaimana menjadikan peserta-peserta menerima kita yang menjadi penceramah atau pengendali ini sebagai sebahagian daripada mereka. Jika ini berjaya maka bengkel atau kursus itu telah berjaya 50%. Berkat tunjuk ajar TNC dan dengan dua tiga "jampi serapah"nya sebagai bekalan dan pada saat ini, ketika di kaki Beremban aku merasai aku dite-

"Thank you TNC!"

Pada pagi sebelum pertemuan pertama dengan mereka, aku membawa beg besar turun

dari rumah dan menaiki teksi terus ke Pudu Raya dan dari situ aku menaiki bas Ekspress Perak Tengah dan terpaksa membayar tambang ke Ipoh, walaupun aku turun di Tapah. Selepas menikmati teh tarik Tapah aku terus menaiki bas untuk ke Cameron Highland bagi mengendalikan bengkel kepada Kumpulan Pandu Puteri ini. Tetapi aku segera turun kembali dari bas kerana aku takut dengan jalan yang bengkok-bengkok dan terus menyewa sebuah teksi.

Aku tidak membawa kereta Toyotaku yang tercantik sekali di antara kereta-kereta yang ada di Serdang itu, dan aku juga tidak memohon kenderaan universiti. Segaja aku lakukan. Aku hanya ingin mengutip beberapa pengalaman di sepanjang perjalanan untuk aku ceritakan kepada ahli-ahli Kelab Pandu Puteri.

Memang sepertimana yang aku duga, aku berjaya mengutip empat pengalaman yang sangat mahal untukku sampaikan kepada mereka. Seingku aku lakukan begitu supaya menjadi contoh agar mereka dapat melihat dan mengutip semua pengalaman yang dirasai, yang kelihatan atau yang tidak dari bengkel ini. Satu dari padanya pengalaman-pengalamanku....

"Saya tiba di Pudu Raya lebih kurang jam 9.00 pagi" ... Aku memulakan cerita pengalamanku dan menyambung..." dan setelah membeli tiket saya turun ke terminal bas No. 1 sepertimana yang tercatat pada tiket itu. Ketika di pertengahan anak-anak tangga sempat saya melayangkan mata ke bawah melihat penumpang-penumpang lain yang sedang menunggu bas.

Saya tersentak sedikit kerana di antara penunggu-penunggu bas itu kedapatan seorang gadis berambut pendek dan berkaca mata. Dia memakai baju merah berlengan pendek dan berseluap panjang putih serta berkasut sederhana tinggi berwarna hitam. Saya tersentak kerana gadis ini adalah pelajar UPM.

"Saya pasti dia adalah pelajar UPM kerana dia adalah di antara siswi-siswi yang sangat aktif dalam aktiviti kokurikulum dan selalu berjumputa saya meminta "tunjuk itu dan tunjuk ini." Saya sangat pasti dia adalah orangnya. Tambahan pula sehari sebelum bertolak secara tidak sengaja saya terbelek sebuah buku cenderamata aktiviti pelajar dan gambarnya terpampang di muka hadapan sebagai salah seorang orang kuat aktiviti berkenaan."

"Saya melangkah turun ke beberapa lagi anak tangga yang masih tinggal dan terus berjalan

an menghampiri pelajar tersebut. Sengaja saya buat-buat tak nampak tetapi dengan ekor mata, saya melihat bahawa dia telah memerhatikan saya dan dengan secepat kilat dia menoleh ke lain. Aku mula merasai sesuatu dan terus menghentikan perjalanan kirai-kira dua depa jauhnya dari pelajar tadi. Saya perhatikan dia dan nampak keadaannya tidak begitu selesa. Saya mengambil keputusan untuk melihat dan berpusing ke arah lain dan saya tersenyum sendirian."

"Ketika menaiki bas, dia lah yang lebih dulu naik dan kebetulan pula tempat duduknya di baris keempat dan saya di baris kelima, betul-betul di belakangnya. Ketika berjalan melintasinya saya melihat dia sibuk-sibuk mencari sesuatu dari dalam beg kecilnya."

"Semasa perjalanan, saya tidak menegurnya begitu juga dia hingga bas tiba di Tanjung Malim. Bas yang kami tumpangi berhenti di sebuah restoran dan kami penumpang-penumpang semuanya turun. Ada yang ke bilik air, ada yang bersenam-senam ringan dan ada juga yang makan. Gadis berbaju merah, memesan mi goreng lalu duduk betul-betul berhadapan dengan beliau, cuma jarak tiga meja sahaja yang memisahkan kami.

Sengaja saya lakukan agar saya yang mempunyai badan seperti seorang Sumo ini akan kelihatan olehnya. Pasti! Kerana ketiga-tiga meja di antara kami tidak ada siapa yang ingin duduk di situ."

"Semasa bas bergerak kembali, saya adalah orang yang terakhir menaiki bas dan sekali lagi melaluinya. Pada waktu itu saya terfikir boleh jadi saya yang patut menegurnya tetapi cepat-cepat hati kecil memberitahu bahawa bukan demikian hajat mulanya,

di mana dalam perjumpaan ini dia harus menegur dulu; menegur atau menyapa berpuluhan kali seperti dulu semasa di pejabat! Mulailah saya berasa sesuatu. Saya tidak dapat menggambarkan bagaimana saya merasai bahawa saya tidak diharagai, kehadiran saya di dalam bas tidak disenangi dan setelah sekian

"tunjuk itu dan tunjuk ini," belum dikira lagi dengan masa-masa yang sepatutnya berehat tetapi ada ketikanya masih juga berada untuk "tunjuk itu dan tunjuk ini" dengan tidak membilang hari sudah gelap atau hari sudah siang!"

Aku ingin meneruskan lagi cerita fasal si baju merah itu tetapi kedengaran seorang peserta Nan namanya terisak-isak menangis. Kian lama kian bertambah kuat dan dengan

terisak-isak menangis, Nan lari keluar dari dewan dan terus menyambung tangisnya di luar. Aku segera memberi isyarat pada dua orang peserta supaya keluar mengikuti Nan untuk menenangkan perasaannya.

"Adakah yang berbaru merah yang di dalam bas itu... yang sedang menangis di luar?" Tanya seorang peserta sungguh-sungguh.

"Tidak! Jawabku..." mungkin dia tidak dapat menahan kesedihanannya!"

"Jadi akhirnya bagaimana?"

"Tidak ada sepatah perkataan pun keluar dari mulut si baju merah tu." jawabku. "Saya berfikir-fikir tentang kesan "tunjuk itu dan tunjuk ini" sehingga saya lupa untuk turun di pekan Tapah, hanya lebih kurang satu batu kemudian baru saya teringat!"

"Boleh jadi pelanduk dua serupa atau kepada pelajar itu En.... pulu yang disangka pelanduk dua serupa." Tanya peserta itu lagi yang kemudian aku kenali namanya sebagai Nani.

"Boleh jadi tapi saya fikir saya pasti!"

"Apakah En... masih sedih dan masih kewawa?"

Aku hanya tersenyum dan tidak menjawab. Aku tidak ingin memanjangkan perkataan ini kerana kalaupun betul si baju merah itu pelajar UPM, dia hanya satu dari berpuluhan-puluhan ribu.

"... atau En.... menyesal setelah Encik bersusah payah" tunjuk itu dan tunjuk ini" akhirnya dilupakan." Tanya Nani yang cuba mengorek isi hati dan perasaan aku dalam hal ini.

"Tadi terasa juga sedikit tapi bila sudah turun dari bas, hati saya memberitahu bahawa perasaan saya bertentangan dengan pendirian saya selama ini."

"Boleh tolong lanjutkan sikit tentang "pendirian" En... itu," tanya lagi Nani.

Aku tersenyum sedikit sambil pandanganku, aku halakan ke sebelah kanan bumbung dewan. Aku mencari-cari perkataan yang sesuai untuk disusun bagi menerangkan pendirianku di dalam hal "tunjuk itu dan tunjuk ini" ... dan dengan nada suara yang pasti aku memberitahu...."

Kepada saya ... sesuatu yang dilakukan ha-

rus bermula dengan keikhlasan dan berakhir juga dengan keikhlasan."

"Saya tidak berapa jelas" terdengar satu suara soalan dari salah seorang peserta."

Aku ingin memberikan penerangan yang lebih lanjut tapi aku pendekkan saja dengan mengatakan bahawa kerana kebetulan perkara ini telah timbul maka kita akan mencarinya di dalam bengkel kita ini.

Kami terus mendaki lagi. Kebun teh telah agak jauh kami tinggalkan dan kami telah mula menempuh hutan belantara. Tapi untung kerana 'route' elok tersedia untuk pendaki-pendaki.

"Siswa-siswi yang tadinya becok bercerita tentang keindahan pandangan kaki gunung sudah mula kurang becoknya. Beremban mula memperhatikan cabarannya.

Suara siswi meminta Shukri mendapatkan tongkat untuk mereka, kedengaran berselang-seli. Sibuk sekali namapnya Shukri menebang anak-anak kayu untuk sisw-siswi sebagai bantuan mendaki. Terdengar juga suara manja siswi-siswi meminta pertolongan dari Shukri... "Shuk....! Tolonglah I carikan kayu yang terbaik!"

Itulah tujuannya aku membawa Shukri bersama!

Seperi biasa aku berada di belakang sekali. Apalagi dalam hal daki-mendaki ini sudah pasti lah aku tertinggal. Walaupun kali ini kali kedua aku mendaki gunung yang sama tapi penyakit tercungap-cungap jelas tak boleh hilang. Kalaualah diizinkan untuk kali yang ketiga nanti aku pasti "tercungap" tetapi akan ada juga. Terfikir juga aku ketika itu iaitu bagi kali yang akan datang nanti aku akan dapatkan petua-petua untuk panjat gunung dari TNC. Mungkin dia ada!

Tiba-tiba aku lihat beberapa siswi berkumpul-kumpul cemas seperti ada sesuatu yang perlukan pertolongan. Aku lihat Shukri, Rashid dan Kassim bergegas-gegas turun merapati kumpulan siswa-siswi tersebut. Kassim, oleh kerana terlalu pantas berlari-lari sampai tersepak akar-akar kayu yang banyak bersilangan dan jatuh bergolek-golek macam nangka muda. Geli juga hatiku melihatnya! Tapi peristiwa ini tidak diendahkan oleh sesiapa pun kerana tumpuan ditujukan kepada kejadian yang sedang berlaku.

Aku hampir siswi-siswi yang berkerumun itu dan aku dapat seorang siswi bernama Ogi (digetik namanya ditulis sebagai OG) sedang berpenat dan sesak nafas, aku bersuara: "Semua berhenti...! Dan yang berkerumun ini, undur jauh sedikit supaya OG lapang dan senang ber-nafas. Dan kamu Shukri cari daun yang lebar dan besar untuk dijadikan kipas" aku mula mengeluarkan perkataan-perkataan.

Arahuan aku segera di-patuhi. Hanya tinggal Lina dan Rashid saja yang melihat-lihat OG, Shukri dengan pantas membawa daun yang lebar dan besar. Setelah beberapa kali dikipas kelebihan muka OG sedikit merah sebagai tandanya reaksi.

"Bagaimana OG....?" Tanyaku.

"... Saya tak sangka ..." jawabnya tertahan-tahan. Kelebihan dadanya berombak.

"Ok...! Ok! You relaks dulu!" kataku.

Aku memanggil Rashid, Lina dan Kassim dan membawa mereka jauh sedikit daripada OG dan sekali lagi aku memberikan pertintah....

Jika keadaannya tak berubah ... you Rashid, Lina, Kassim, dan cari lagi dua orang siswi yang gagah-gagah bawa OG turun. Minta Shukri carikan dua batang kayu yang kuat dan You Lina ... carikan baju-baju tebal untuk dibuat usungan."

Panik juga aku ketika itu, walau bagaimana pun OG kembali sihat dan kami dapat meneruskan perjalanan dan aku memberitahunya supaya apabila terasa tidak enak walaupun sedikit, dia mesti berhenti untuk mengambil angin.

Kami terus mendaki perlahan-lahan. Semua mula penat dan kelelahan, Ada ketikanya kami terpaksu hampir-hampir seperti merangkak kerana ada tempat-tempat yang sangat curam. Biasanya bila berjumpa dengan kawasan yang curam seperti ini, Shukrilah orang pertama mendaki atau memanjat dahulu untuk membersihkan atau memperlokkan laluan. Pendekata Shukri memainkan peranan yang penting sekali dalam kumpulan kami ketika itu.

Letih dan penat terasa benar. Aku lupa entah berapa kali kami berhenti mengambil nafas. Siswi-siswi sudah tidak beracak lagi bukan kerana jemu beracak tapi kerana dah tak kuasa lagi nak beracak dek kepenatan dan kelelahan. Nampaknya siswku mula mengerti akan perkataan cabaran daripada alam. Walau bagaimana

Dari Muka 10

napun pendakian harus kami selesaikan, walau dengan gaya macam mana pun!

Aku teringatkan satu cerita sejarah mengenai Edmond Hellary yang berjaya mendaki Gunung Everest di India. Pada pendakiannya yang pertama, dia gagal dan kemudian pulang ke London. Di London, dia disambut meriah kerana telah cuba mendaki gunung Everest walaupun gagal. Di dalam perte-muannya di satu majlis dengan pendaki-pendaki gunung beliau dalam ucapananya berkata:

"... untuk kali yang akan datang saya pasti akan berjaya mendaki gunung itu..." Kemudian beliau memalingkan mukanya menghadapi sebuah gambar iaitu gambar gunung tersebut dan berkata....

"Wahai Everest...! Kau tidak akan berubah... Yang akan berubah ialah aku... iaitu semangat dan cita-citaku bagi kali yang kedua nanti akan lebih hebat lagi untuk mendaki dan menaklukimu."

Demikian, walau sehebat mana cabaran dari gunung, akhirnya tetwas juga dengan kehebatan semangat dan cita-cita. Begitulah yang telah dibuktikan oleh Edmund Hellary, aku melihat, sejarahnya membawa satu maksud dan pengertian yang sungguh bermakna yang mesti dihayati oleh mahasiswa; iaitu tentang semangat dan cita-cita manusia boleh berkembang biak membesar dan dapat mengatasi cabaran alam. Satu dari beberapa kunci untuk kejayaan. Aku yakin sisw-siswiku yang bertungkus-lumus, yang sedang bertongkat lutut, yang nafas panas mereka kini meluru dengan pantas, yang keringat-keringat mereka mengalir dari dahi, pipi dan seluruh tubuh dan yang macam-macam lagi kerana bergerul dengan Beremban telah mengerti akan perkataan-perkataan seperti cekal, gigih, susah, cita-cita dan semangat inginkan kejayaan.

Mereka mendapat pengajaran dari Beremban! yang penting mereka harus jelmakan pengalaman dan pengertian-pengertian mereka itu ke dalam kehidupan mereka di kampus. Dan jika dilakukan dengan sabar dan yakin, aku fikir mereka akan menempa tangga-tangga kejayaan.

"Aku akan ukir dan lorek dalam bahasa yang indah dan yang hebat-hebat pengertiannya, aku akan sampaikan perkara ini pada mereka dalam sesi malam ini." bisik hatiku.

Setelah bersusah payah, akhirnya kami tiba di puncak Beremban, semuanya secara spontan tanpa arahan sesiapa, terus melabuhkan punggung masing-masing duduk berehat kepenatan. Macam-macam gaya duduk, ada yang bersandar, ada yang bersilang kakinya, ada yang baring dan macam gaya lagi.

"Terima kasih En...", tiba-tiba aku disapa oleh OG.

"Bukan kepada saya..." kataku "... untuk semua rakan-rakan." kataku.

"Semuanya telah saya beri terima kasih" sambung OG..." Saya sesak nafas dan ini paling menyediakan saya... tetapi dengannya juga saya mengerti perkataan "sahabat"!

"Ya! Dalam kehidupan kadang-kadang kita harus "membeli" pengalaman dengan harga yang mahal" kataku.

"Ianya cukup bererti kepada saya" katanya lagi.

"Baguslah..." kataku. OG juga berjaya mendaki walaupun dia telah berhenti mengambil angin sebanyak 3 kali. Dan pada setiap kali dia berhenti, dia mendapat perhatian berat dari kami.

Suasana sepi sekejap, kerana masing-masing menjamu selera dengan makanan ringan yang dibawa dari bawah. Aku lihat Shukri, Rashid dan Kassimlah yang beruntung kerana mereka mendapat "habuan" dari siswi-siswi seperti minuman, kacang, gula-gula dan macam-macam lagi.

Sepuluh minit telah berlalu. Selesai saja mengisi perut, sisw-siswiku sibuk pula bergambar. Entah berapa banyak mereka bergambar. Aku memberikan arahan pada Rashid supaya mengadakan satu sesi mengejut di Puncak Beremban dan tanpa melengah - lengahkan masa, Rashid memulakan...

"... untuk merakamkan tanda kejayaan kita ..." kata Rashid memulakan aktiviti mengejut... "Mari... sempena kehebatan kita pada pagi ini, kita curahkan pengalaman, kejayaan kita mendaki Beremban dalam bentuk kata-kata sakti yang mengandungi maksud yang besar. Dengan ini saya membuka gelanggang puisi-puisi di Puncak Beremban ini!"

Semuanya bertepuk gembira. Zura memulakan sajaknya, diikuti oleh Lina, Nani, Noraini, Nazrin, Fiza, Anita,

Tini, Nie, Dayang, Yati, Acik, Ucu, Anglene, Bad, Zah, Iza, Sah, Miza, Elin, Aini, Ngu, Nan dan OG. Seronok juga mendengar puisi-puisi mereka, dengan gaya yang tersendiri mereka mengabadikan cita-cita dan rasa mereka menerusi puisi-puisi spontan yang membawa di dalam kedinginan gunung dan disemadikan bersama gumpalan kabus putih yang membela alam semulajadi di sekitar puncak Beremban, termasuk diri mereka sendiri!

Aku berharap mereka akan memperolehi sesuatu yang bernilai dari semua itu.

Sebagai pengakhir se-si mengejut, Lina meminta semua ahli-ahli Pandu Putri menyanyikan lagu Pandu Putri yang selalu mereka nyanyikan dan berkumandalang lagu tersebut di puncak Gunung Beremban. Aku pasti Lina telah membuat sesuatu yang berharga kepada dirinya, ahli-ahli dan Kelab Pandu Putri sendiri. Ianya nanti akan menjadi satu pendorong dari satu nostalgia supaya ahli-ahli terus beraktiviti.

Dalam perjalanan turun, siswi-siswi kembali becek. Maklumlah kerana turun lebih mudah dari naik! Waktu ini semua sibuk mengumpulkan tumbuh-tumbuhan gunung yang aneh-aneh dan yang indah-indah. Bunga-bunga hutan menjadi sasaran utama. Satu perkara yang tak dapat aku lupakan ketika menuruni Gunung Beremban ini ialah perkara yang telah dilakukan oleh Angah. Angah yang pada permulaan bengkel ini kelihatan sangat pendiam tetapi bertukar menjadi warna-warni, dan kali ini dia mengejutkan aku dan boleh jadi seluruh kehidupan di Gunung Beremban ketika itu dengan bergayut di akar yang seperti tali yang besar dari sebatang pokok dan kemudian berbuai seperti Tarzan di Afrika. Hebat sekali dia bergayut, berpusing-pusing tiga empat kali. Kecut perut aku dibuatnya. Aku kiranya itu adalah satu manifestasi dari pengalaman mendaki Beremban!!! Manifestasi tentang keberanian dan kebolehan yang menjadikan Angah sebagai burung yang bebas dan lepas untuk berkarya....

Sayangnya pokok-pokok di dalam kampus tidak mempunyai tali seperti itu!!! Hari telah terlalu petang. Aku keluar dari tempat menginap lalu ke gerai minum dan memesan segelas teh tarik panas. Ketika itu angin bertiup kencang dan hujan mula gerimis. Aku teringat tentang pagi tadi, aku cuba mengingat kembali peristiwa-peristiwa yang terjadi

Lihat Muka 12



SON OF THE SOUL

*Sunless sky, little light and the mist,
greet you from nowhere
as you tread lightly,
breaking the icy wind,
the day before has been the same
but nothing seems to matter
when there's no waiting master!*

*How strange — there's a room
for pleasure at such a toil
A wonder — that you could stay on and on
day after day...month after month
and year after year.*

*But, for every agony, there's a little pleasure
"I'm not alone — as soon as I push the starter button,
the smooth, flawless sound tunes to perfection
to my ears — it's a fine music..."
The sweetness you feel from the new — mown land
rather hard to explain or can't be explained at all!
They don't understand or don't even try to understand
Ah! Who cares!*

*As long as you feel,
the sunset is the crown of glory to an honest day's labour
and could watch the fading glow of red in the west,
from your perch on the tractor!*

*When the simmering sun
never to stir me up...
When the sparkling freshness of mornings
never to undo my eyes...
When the talking of the birds
never to come into my ears...
What could have happened to me?
Have I died?*

STRIDE

*I wish my stride was bigger,
so that my little feet would touch even
bigger ground...
I wish I could make greater strides,
so that I would be somebody one day...
I wish I could take everything in my stride,
so that I would not pour out much sweat
or much of my time away.*

— Wan Aida Wan Hassan —



Sejenak di P.D.

Di persada ini ...
aku sunyi ...
membilang hari-hari mendatang
mengenang hari-hari semalam

Namun ...
suatu kepastian belum ternotkah
suatu keputusan belum terjawab

Aku sepi ...
mengingat, mengenang ...
aku bagaikan meraba-raba dalam kesamaran. Khayall!!!

Namun ...
sinar neon yang suram
membangkitkan aku dari terlena
membebaskan aku dari tension yang tak kesudahan

Malam ...
semakin kelam, aku, bisu ...
di ketika-ketikanya ...
terdengar desiran ombak berlagu sayu
setia aku bersama malam yang kelam

Pastinya ...
menjanjikan seribu harapan Ilham rasa
Azizah
Bac. Sc. Pertanian

Cinta Hang Kasturi

*Sebelum kau mati, Dayang Fina,
perlu kau sedar dirimu berdosa sama
membakar nafsu jantan-jantan istana.
Kini jika Jebat kejam menghukummu
dia kesasauan amuk gagal
menafsir keris dan tengkolok;
dirinya sukar mengerti mengapa
harus ada kesetiaan yang buta.*

*Sesudah kau mati, Dayang Fina,
kan segera kuhembus asap dupa
merenggut batin bangsa.
Dan jika aku masih di istana
kan kasedarkan keruntuhan mereka
tipis bezanya antara
Jebat mengingkari setia buta
dengan Tuah patuh membuat setia.*

*Akan kucuba syahdukan segala ini,
sebelum bangsaku dungu kembali.*

A. Samad Said
Kuala Lumpur,
13 September, 87.

DI POHON KENYATAAN

Di pohon kenyataan ada derma tabung kebajikan
di pohon kenyataan ada seni silat cekak
di pohon kenyataan ada rumah untuk disewa

di pohon kenyataan ada TV hitam putih untuk
dijual

di pohon kenyataan ada seminar pendidikan
di pohon kenyataan ada tukang pemberi kasut

di pohon kenyataan ada jamuan makan malam
di pohon kenyataan ada pertandingan bola tujuh
sebelah

di pohon kenyataan ada perlawan ragbi

pohon kenyataan menjadi saksi seribu peristiwa
pohon kenyataan menjadi tumpuan mata ribuan
manusia

di pohon kenyataan tercatat sejuta berita

pohon kenyataan setia dalam usia dimamah masa
pohon kenyataan sesak dengan abjad dan angka

di pohon kenyataan
pada setiap paginya
ada burung menyulunkan lagunya
menjadi teman setia dedaan dan rantingnya

pohon kenyataan
berbaktilah sampai bila-bila

Ikhwan N.S.
PBMP 5

AMINHAD atau nama sebenarnya Amin b. Minhad menulis berbagai genre sastera seperti puisi, cerpen, esej, drama, novel kanak-kanak, remaja dan dewasa.

Di antara media yang menyiaran karyanya seperti DEWAN SASTERA, DEWAN MASYARAKAT, DEWAN SISWA, DEWAN PELAJAR, DEWAN PERINTIS, MASTIKA, SARINA, BERITA HARIAN, THE BORNEO POST dll.

Di antara hadiah yang pernah dimenanginya ialah HADIAH SASTERA REMAJA ESSO-GAPENA III (Novel Pengembaran - Ika Suziana), Hadiah Penghargaan dan Penulis Muda Terbaik HADIAH CERPEN ESSO - GAPENA V (Yuri Unggai), Hadiah Sastera Remaja Utama, Hadiah ESSO-GAPENA IV (Antologi Puisi - Segala Kasih), Hadiah Penghargaan, HADIAH CERPEN ESSO - GAPENA VII (Kemajuanku Bumiku Musuhku), Hadiah Utama SAYEMBARA PENULISAN NOVEL SEJARAH DPMP-YAYASAN PAHANG I (Anak Bumi Semantan) dan lain-lain lagi.

Sekarang mengikuti program Bachelor Pendidikan (PBMP) Semester 03.

LANGITNYA kopi pekat. Pekat sepekat-pekatnya. Dan anak tekaknya terasa terlalu pahit. Tiada sejarum pun merasa kepayaan air liur apatah lagi kematian.

Namun di dalam kepekatan langit dan kepahitan rasa itu dia tahu, dia sebenarnya sedang dirawat. Mungkin akibat ubat pelali yang disuntikkan ke liang rompa menyebabkan dia bersa demikian.

Sungguhpun sebenarnya dia bencikan kegelapan - lebih-lebih lagi kegelapan hidup, dalam keadaan begitu, apakah yang boleh dilakukan? Dia tahu, dia sedang terbaring di atas ranjang pembedahan. Doktor dan para jururawat pasti sibuk menjalankan tugasnya. Itu pun hanya dugaannya saja sebab di dalam kegelapan begitu, matanya tidak dapat menjangkau.

Tiba-tiba dia teringat sesuatu. Mana boleh nampak kalau mereka bekerja di dalam gelap? Bahaya. Silap-silap bukan perutnya yang dibedah tetapi kakinya. Sekejapan itu juga darjah kegusarannya naik. Tetapi, ah, pujuk hatinya kemudian. Doktor pakar, tentu boleh melakukan kerja dalam keadaan bagaimanapun.

Tetapi, mungkinkah? Soal batinnya kemudian. Darjah kebimbangananya menjadi turun naik. Entah-entah ini merupakan sabotaj? Fikirnya kemudian. Mereka diarahkan oleh suatu pihak untuk merawatku dengan tujuan membunuhku! Siapa tahu? Pihak berkenaan sengaja mahu aku mati agar kerusiku kosong dan boleh diisi olehnya. Ya! Ini sabotaj!

Dia berasa mah menjerit begini: "Hoi! Pasang lampu hoi! Mana boleh bekerja dalam gelap? Hoi! Awak nak buuh sayakah?


Pada saat yang lain perkataan 'hoi' dirasakan terlalu kasar. Seharusnya, seorang pemimpin patut menggunakan bahasa yang baik supaya masyarakat



CERPEN



DI SINI TIADA LAGI KEMATIAN



ma lagi saya harus dirawat di dalam gelap ini?" Tiba-tiba Datuk mendengar orang tersebut ketawa berdekah-dekah. Diikuti oleh suara yang lebih halus dan ramai - barangkali jururawat, fikir Datuk. Kena pula orang itu ketawa?

"Awak doktor ya?" Tanya Datuk menggilir, cuba mengawal rasa marahnya. "Kenapa awak berani ketawakan saya? Awak suka saya mati?"

"Sebenarnya begini Datuk," ujar orang tersebut dengan lembut.

Pada masa itu Datuk nampak sejulur cahaya memancar dan menuju ke sisinya. Datuk terjeput kerana disangkakan kilat yang kemudian akan menerbitkan petir. Tetapi, daripada sinar itulah wujudnya seorang makhluk berjubah putih dan berdiri di sisi Datuk. Di dalam hatinya, Datuk tahu. Orang tersebut adalah imam masjid kampung asal kelahirannya. Datuk hanya pandang sebelah mata saja.

"Datuk," tambah orang itu tadi. "Sebenarnya kami dah pasang semua lampu di sini."

"Jadi...jadi..." Datuk tidak dapat meneruskan dugaannya kerana gugup. "Adakah saya sudah buta? Kamu sudah butakan mata saya?" Tanya Datuk yang tiba-tiba menangis.

"Usah tuduh sebarang, Datuk. Berdosa besar kalau menuduh tanpa usul periksa," tambah orang di sisinya lagi.

"Kalau tidak, kenapa saya tak nampak yang lain? Saya nampak sejulur cahaya, kemudian saya nampak awak. Err...bukankah Tuan Imam ini imam di kampung saya dulu?" tanya Datuk mahu memastikan.

"Ya, Datuk. Tapi saya sudah jadi doktor sekarang ini."

Kali ini, Datuk pula yang ketawa sembahunya.

"Mana boleh jadi doktor kalau tak ada pelajaran dan masuk universiti? Jangan menyamar, Tuan Imam. Boleh ditangkap dan dipenjarakan, tahu?" Datuk mengugut.

"Tapi saya ikhlas, Datuk. Saya sudah jadi doktor. Saya mengikut arahan," tambah Tuan Imam mahu meyakinan.

"Tapi, siapa yang memberi arahan?" Datuk masih tidak mempercayainya.

"Itu...tak payahlah Datuk tahu. Apa yang perlu Datuk tahu, Datuk diminta untuk mula membaca al-Quran tak berapa lama lagi. Pada firasat saya, hati Datuk sudah gelap. Jadi, Datuk perlu membaca al-

Quran dan banyakkan berzikir. Moga-moga 'penglihatan' Datuk akan segera benderang."

Selaku pancaran cahaya seluruh anggota Datuk berpeluh. Adakah Tuk Imam ini wakil pihak musuh yang sengaja diupah untuk menguji kelelahannya? Dan adakah pihak musuh sudah tahu bahawa kelelahannya adalah tidak boleh dan tidak pernah....

Untuk menyembunyikan kelelahan diri, Datuk berpura-pura tenang. Dia mahu berlagak seperti orang pandai yang tidak mahu menonjolkan kepancaian.

"Baca dalam hati pun boleh juga, 'kan Tuk Imam?"

"Bacalah," balas Tuk Imam. "Bacalah dengan nama Tuhanmu. Bacalah..."

Tuk Imam menghulurkan kitab suci al-Quran. Datuk menyambut dengan tangan tergil. Dia tidak terus membaca 'Bismillah' sebaliknya terus membuka.

"Tak ada apa-pun, Tuk Imam? Ini Quran salah cetak. Kenapa Tuk Imam tak serahkan Quran ini kepada pihak berkenaan? Ini salah ni," rungut Datuk dan berasa lega. Setidak-tidaknya dia dapat mengelak untuk membacanya.

"Tak mengapa, Datuk. Selaklah lagi. Selaklah lagi," pinta Tuk Imam terus.

Datuk meneruskan selakannya. Tiba-tiba dia terhenti pada satu muka surat. Dia seperti tidak percaya dengan apa yang tertera kerana Tuk Imam kata, itu adalah al-Quran. Bukannya buku laporan atau yang lain. Matanya terus membaca:

Kesalahan Datuk Bandaraya Kampung Dusun:

1. Pembukaan hutan

binatang di Zoo Negara telah melahirkan anak berkaiki lebih daripada kebiasaan. Tanaman padi di Tanjung Karang semakin tinggi tetapi pokok-pokoknya berwarna biru.

"Ini kenyataan palsu ni, Tuk Imam! Ini macam kesan kemalangan nuklear Chernobyl saja? Saya di Malaysia, mana mungkin terlibat begini? Saya arahkan tebang pokok, buka hutan untuk tujuan baik. Lagipun, seluruh dunia sudah tahu, ozon semakin berkurangan. Kenapa saya sahaja yang perlu diperlakukan?"

"Tetapi...Datuk mengaku salah atau tidak?"

"Tidak!" Jawab Datuk Tegas.

"Jadi, Datuk tidak mengaku salah?"

"Ya!"

"Tapi, Datuk juga salah seorang penyebab berubahnya keadaan muka bumi dan manusia. Termasuklah Datuk sendiri diserang sesak nafas akibat perbuatan sendiri. Itu pun Datuk tidak mengaku salah?"

Dari Muka 11

ketika mendaki Beremban. Aku juga merangka-rangka dalam fikiran bagaimana sesi malam ini bersama mereka. Aku susun satu persatu! Tiba-tiba aku teringat bahawa mereka telah berpuisi-puisi di atas gunung dan kata hati kecilku... "Aku juga harus berpuisi malam ini!"

Malamnya setelah selesai semua ahli memberikan pendapat dan pandangan mereka

JANJI BUAT PUTERI

Beremban - Kumelata di dadamu
Kurasai nafas panasmu
Kuhidu kasih sayangmu
Menggumpal bergelumang bersama semangat Putri
Kukuh menjadi satu dan padu

Kau rela kujejaki
Setapak demi setapak
Setapak demi setapak
Menggelupur kekuatan menusuk jantung cita
Demikian Putri merasai
Betapa keramatnya dadamu

Beremban - Izinkan Puteri menatang kehebatanmu
Membawanya di dulang Persada hati
Kerana Putri punya cita dan hati
Dalam menjelajah jagat ini

Sesungguhnya Beremban
Dalam menjelajah "mimpi Putri
Lagu Kembara adalah lagu Putri
Buat menjalani bangun Jagat ini
Untuk tamadun bangsa
Di dalam kekhusukan menghayati
kehebatan PENCINTA

Dengan semangatmu
Di dalam satu Nostalgia Klasik
Jagat raya Putri kan teroka
Untuk Tamadun UPM dan Bangsa
Untuk Tamadun UPM dan Bangsa

"Kalau begitu...saya mengaku salah. Hebohkan pada masyarakat, kalau perbuatan saya ini tidak mendatangkan kebaikan kepada mereka dan alam semesta, saya mahu awak matikan saya saja sekarang! Saya rela mati daripada menanggung malu!" Pinta Datuk.

"Tetapi...di sini tak ada kematian, Datuk."

"Maksud awak? Err...Maksud Tuk Imam?"

"Tengoklah tepi kain putih yang membelit tubuh Datuk."

"Allah!" Luah Datuk tiba-tiba lalu duduk.

Beberapa orang jururawat terdekat lari ketakutan tetapi kembali tenang setelah dipanggil oleh doktor. Mereka tidak pernah melalui pengalaman, seorang yang telah disahkan mati tiba-tiba bangun lagi di bilik 'post-mortem'.

"Batalkan pembukaan tanah baru seribu hektar walaupun nanti saya tidak akan dipilih!" Luah Datuk tiba-tiba. Doktor dan jururawat berpandangan sesama sendiri.

UNIVERSITI AKAN TUBUH BEBERAPA INSTITUT PENYELIDIKAN

HUSAIN OSMAN

UPM memberi tumpuan penyelidikan dalam bidang-bidang keutamaan di bawah rancangan Intensified Research in Priority Areas (IRPA) bagi memenuhi keperluan masyarakat dan negara pada masa ini.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RM5) antara 1986 hingga 1990, sejumlah 65 program penyelidikan telah dijalankan yang memerlukan belanja sebanyak \$22 juga oleh pegawai akademik UPM.

Naib Canselor UPM, Prof. Tan Sri Dr. Nayan bin Ariffin berkata, kajian usahasama de-

ngan pembiayaan badan-badan luar yang dijalinkan termasuk EEC, IDRC, ICIAR, IAEA, FAO, UNESCO dan lain-lain.

Program kerjasama UPM dan JICA serta IDRC di Fakulti Perikanan dan Sains Samudera berjaya mempertingkatkan kecermerlangan pengajaran dan pembelajaran di fakulti itu.

Katanya, UPM akan berusaha untuk mendapatkan peruntukan agar pegawai akademik dan pelajar universiti ini dapat menjalankan projek dan kegiatan yang memberi kesan yang baik.

Pihaknya telah ber-

usaha mendapatkan \$96 juta daripada IRPA untuk penyelidikan jangka panjang dalam bidang bioteknologi, pertanian, pertanian, sains perubatan dan polisi pengembangan pertanian.

Di samping itu, UPM juga memohon \$10 juta dari Kementerian Pendidikan untuk menggalakkan penyelidikan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.

Sebanyak \$15 juta lagi telah dipohon dalam RM6 untuk melengkapkan makmal penyelidikan dengan peralatan yang diperlukan.

Menurut Tan Sri Dr. Nayan, universiti ini

akan menubuhkan beberapa institut penyelidikan mengikut bidang yang dikenal pasti dalam RM6.

Antaranya ialah Institut Genetik, Institut Bioteknologi dan Institut Sains Alam Sekitar dan bidang ini dipilih kerana UPM mempunyai minat dan keupayaan untuk melaksanakannya.

UPM juga turut bangga dengan pencapaian penyelidikan dalam bidang tenaga suria (solar energy) yang telah menyelesaikan fasa I bagi projek memasang rangka dasar kawah suria.

Kawah suria UPM ini dijangka dapat menjana

kuasa elektrik sebanyak 100 kilowatt apabila projek ini siap dibina dengan pembiayaan Petronas.

Beliau berharap aktivis yang berkemahiran di universiti ini harus menggiatkan tiga fungsi iaitu pengajaran, penyelidikan dan pengembangan secara seimbang.

Ketiga-tiga 'trilogi' ini akan menjulang UPM sebagai pusat kecermerlangan akademik yang ulung sesuai dengan motonya 'Berilmu Berbakti'.

Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP) dipilih sebagai pameran tumpuan yang bertemakan "Sukan dan Rekreasi Untuk Kesihatan" di Ekspo Pertanian dan Pesta Konvo Ke-14, pada tahun ini.

Sebanyak enam program FPP mengambil bahagian di pameran dengan memperkenalkan pelbagai kegiatan bercorak riadah dan kesihatan yang memanfaatkan setiap pengunjung.

Pengerusi Jawatankuasa Pameran (FPP), Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Mahmood berkata, pameran ini memberi tumpuan kepada Program Pendidikan Jasmani yang melibatkan riadah dan kesihatan.

"Kita mahu memerlukan kepada orang ramai bahawa sukan dan tempat rekreasi yang baik dan bersih boleh mewujudkan kesihatan mental dan fizikal," katanya.

Kegiatan sukan dan rekreasi yang seumpama itu berupaya membentuk ciri-ciri keharmonian hidup seperti keluarga bahagia yang sihat dan bermoral tinggi.

Di majlis itu juga Sultan Selangor selaku Canselor UPM berkenan menyaksikan pentomin yang dipersembahkan oleh pelajar-pelajar

FPP

JADI TUMPUAN PESTA

tahun akhir Pendidikan Jasmani.

Pentomin yang mengisahkan seorang kanak-kanak cuba dipengaruhi oleh gejala-gejala buruk seperti arak, dadah dan rokok cuba merosakkan hidup kanak-kanak itu.

Bagaimanapun anasir jahat itu gagal meresapi jiwa kanak-kanak itu kerana kegiatan sukan dan riadah yang diikuti banyak memberi kesan yang baik dari segi kesihatan.

Pelakon utama Azita Amrin dan rakan-rakannya berjaya mengajak orang ramai berfikir bahawa kanak-kanak perlu dididik dan dikawal sejak dari kecil lagi untuk membentuk sebuah keleluaran bahagia.

Pensyarah, Encik Ariffin Said turut juga mempersembahkan nyanyian lagu cerita-cerita rakyat bagi memeriahkan lagi lawatan Sultan Selangor ke pameran tumpuan FPP itu.

Prof. Madya Dr. Abdul Hamid mengucapkan terima kasih kepada pensyarah dan pelajar yang telah memberikan bantuan dan sumbangan dalam menjayakan pameran itu dengan baik dan sempurna.

Nik Shafiruddin

ram tersebut sama ada dari pihak penaja atau pun individu.

BIASISWA PAHANG

NAIK

Wahida Abdul Rahman

Penuntut universiti anak-anak negeri Pahang mendapat 'durian runtuh' dengan kenaikan pinjaman Yayasan Pahang ke taraf sama dengan tawaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Kenaikan ini diumumkan sendiri oleh pengurusnya yang juga Menteri Besar Pahang, Tan Sri Mohd. Khalil Yakob di perjumpaan gabungan pelajar-pelajar Pahang di Dewan Merdeka, PWTC, Kuala Lumpur.

Turut hadiri bersama kira-kira 1200 pelajar dari semua universiti ialah dua menteri kabinet iaitu Datuk Sabaruddin Chik dan Datuk Alex Lim serta Pengurus Besar Yayasan Haji Mohd. Shariff Shamsuddin.

Tan Sri Haji Mohd. Khalil juga menambahkan peruntukan pelajar dari jumlah \$10,000 kepada \$25,000 kepada semua universiti bagi mengerakkan kegiatan masing-masing dengan lebih aktif lagi.

Kerajaan Pahang sentiasa mengambil berat terhadap pelbagai masalah yang dihadapi oleh penuntut universiti dalam mengejar cita-cita masing-masing.

Beliau berkata pihaknya berharap anak-anak negerinya bekerja atau

menceburi pelbagai bidang yang sedia ada di Pahang.

Sementara itu Haji Mohd. Shariff dalam ucapan aluannya berkata Yayasan Pahang akan membina beberapa projek pembangunan untuk faedah ahli-ahlinya setiap masa.

Katanya antara projek yang dijalankan ialah pembinaan asrama bernilai \$9 juta pada 1991 di Kg. Kerinci, pembelian asrama berjumlah \$2.5 juta di Kaherah dan pembinaan Institut Kemahiran Pahang bermilai \$17 juta dalam RM6.

Wakil pelajar UPM di perjumpaan gabungan itu, Encik Ahmad Abdul Rahman berkata tindakan Menteri Besar meningkatkan bantuan pinjaman sangat-sangat dialulukan.

Malah penambahan peruntukan pelajar itu juga tidak secara langsung akan mengerakkan lagi pelajar melaksanakan program dengan lebih berkesan lagi.

"Sebagai wakil pelajar anak-anak Pahang di UPM, saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada kerajaan negeri Pahang Darul Makmur terutama menteri besar mengambil berat masalah pelajar masa kini."

PERTANDINGAN BAKAT KANAK-KANAK

Mazlah bt. Awang

PERTANDINGAN bakat kanak-kanak telah diadakan bermula dari 16-19 Ogos 1990 sempena Pesta Konvo kesyen Universiti Pertanian Malaysia (UPM) yang ke-14 bertempat di Bukit Ekspo UPM.

Program ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Makmal Taman Prasekolah Jabatan Pengajaran Pembangunan Manusia dengan dibantu oleh pelajar-pelajar tahun akhir Diploma Pembangunan Manusia.

19 Ogos merupakan hari kemuncak program pertandingan bakat kanak-kanak kerana pada hari tersebut kebanyakannya pertandingan dijalankan, di antaranya ialah pertandingan melukis.

Pertandingan ini dibahagikan kepada 3 kategori iaitu prasekolah, darjah dua hingga 3 dan darjah 4 hingga 6.

Bagi pertandingan melukis, adik Raja Nafrah Raja Razlan menggondol tempat pertama bagi kategori darjah 4-6. Kategori darjah 2-3 dimenangi oleh adik Mohd. Sabri Abd. Razak dan kategori prasekolah telah dimenangi oleh adik Zafiani Royani Zofarudin. Selain tempat pertama, hadiah juga telah disediakan bagi tempat kedua, ketiga dan 17 hadiah saguhati bagi setiap kategori.

Selepas pertandingan melukis dijalankan pengunjung Bukit Ekspo di pertandingan tersebut dihidangkan de-

ngan persembahan yang menarik dari beberapa buah sekolah yang menyertai pertandingan.

Antaranya ialah persembahan dari Taman Prasekolah UPM, yang mempersembahkan nyanyian lagu 'Nasi Goreng' yang diiringi tarian dan lakonan yang berjaya mencuit hati penonton, Taski ABIM pula mempersembahkan tarian berrima dan beberapa lagi persembahan yang lain.

Dalam pertandingan tersebut, penonton-penonton juga berpeluang berkenalan dengan maskot A&W, Susy dan Geno (Susu Sastagen) yang merupakan salah satu penaja pertandingan tersebut.

Manakala bahagian bercerita pula, adik Zayyani bt. Abu Daud dari Taman Asuhan Kanak-kanak UPM telah muncul sebagai johan bagi kategori prasekolah dengan ceritanya yang berjudul 'Kancil Dengan Buaya'. Tempat kedua dimenangi oleh adik Norhaznita dan ketiga oleh adik Tengku Akrahmi, kedua-duanya dari TASKI ABIM.

Bagi kategori sekolah rendah adik Waidah Abd. Rasih telah muncul sebagai johan, tempat kedua dimenangi oleh adik Norhidayah Fadilah dari Sek. Ren. Baru Bangi dan Hartini Mustaffa tempat ketiga.


Lagu Dendang Perantau yang dibawa oleh adik Mohd. Asraf Mohd. Som telah men-

dapat tempat pertama dalam pertandingan lagu P.Ramlee.

Sementara tempat kedua disandang oleh adik Roziliah Syariff dan tempat ketiga dimenangi oleh adik Zakiah Sherina yang mendendangkan lagu 'Di Mana Kan KuCari Ganti'.

Pengerusi Jawatankuasa, Puan Fauziah Halimah Rashid mengucapkan setinggi-tinggi

terima kasih kepada semua pihak yang turut sama menjayakan prog-



Dua anak kecil yang Comel turut serta dalam pertandingan bakat.

PANDANGAN TAJUDDIN TENTANG KECEMERLANGAN

Penulis Tamu

Tajuddin Ninggal

(Pemenang Pingat Emas Canselor)

Assalamualaikum wbt.

Terlebih dahulu ingin saya rakamkan jutaan terima kasih kepada pihak Bahagian Hal-Ehwal Pelajar khususnya Akhbar Mahasiswa yang telah sudi memberikan peluang untuk menemui para penghuni kampus hijau nan indah ini melalui bicara pena.

Tanggal 18 Ogos 1990 yang lalu merupakan suatu tarikh yang begitu bermakna buat diri serta keluarga. Sukar rasanya hendak saya gambarkan dengan kata-kata. Tarikh itu juga merupakan suatu tarikh rasmi saya meninggalkan kampus hijau ini dengan seribu satu macam peristiwa pahit manis yang sudah pasti akan diabadikan di dalam memori kehidupan.

Anugerah 'Pingat Emas Canselor' yang diterima akan disimpan dengan sebaik mungkin dan menjadi pendorong untuk terus maju mengharungi kehidupan yang penuh onak dan ranjau.

Saya masih teringat bagaimana gembiranya untuk menjadi seorang yang bergelar mahasiswa empat tahun yang lalu. Kehidupan sebagai warga kampus begitu mencabar sekali. Namun hari-hari yang dilalui itu saya harungi dengan tenang dan tabah. Soal ongkos begitu membimbangkan! Tanpa malu-malu saya meminta pertolongan dari keluarga untuk meneruskan perjuangan di kampus ini. Sebagai seorang guru yang cuti belajar separuh gaji, saya berjimat-jimat untuk membiayai pengajian serta menyara kehidupan.

TAHUN KEDUA PENGAIJIAN, SAYA BERPELUANG MENGAJAR CARA BERTUTUR BAHASA MALAYSIA DAN SOAL ADAT RESAM KEPADA SEORANG PENGARAH URUSAN SEBUAH SYARIKAT TERNAAMA DI IBU KOTA YANG BERBANGSA ASING

an keluarga. Pernah beberapa ketika, hanya syiling di saku yang menjadi teman setia di bilik-bilik kuliah. Walau bagaimanapun, erti kesusahan itu mengajar susah menjadi dewasa.

Tahun kedua pengajian, saya telah berpeluang untuk mengajar seorang Pengarah Urusan berbangsa asing dari sebuah syarikat ternama di ibukota bertutur bahasa Malaysia, kadang-kala di pejabatnya dan juga di rumahnya. Biasanya, kelas yang saya berikan itu pada sebelah malam. Dari beliau juga saya mempelajari erti perjuangan untuk berjaya di dalam hidup. Selepas kelas, biasanya kami akan berbincang soal adat resam dan kemanusiaan dan juga tidak jemu mendengar pandangan dan doongan beliau. Saya juga bersyukur kerana mempunyai seorang isteri yang penyabar dan memahami perasaan seorang suami yang berusaha untuk mencari wang saku tambahan bagi menyara keluarga serta pengajianannya. Se-

Di hati kecil ini, saya selalu menyimpan citacita untuk berjaya di dalam hidup.

Untuk berjaya, saya berpegang kepada tiga prinsip hidup iaitu mempunyai pandangan, pegangan dan perjuangan hidup. Maksudnya, seorang yang ingin berjaya itu mestilah mempunyai pandangan hidup yang luas dan jauh ke hadapan. Sentiasa berfikiran terbuka dan rasional dan positif dan peka dengan suasana persekitaran dan sentiasa mencari-cari siapakah diri kita sebenarnya 'our real self'. Untuk itu, kita haruslah mempunyai pegangan agama yang kukuh lagi mantap. Sentiasa merujuk kepada kebesaran dan kekuasaan Allah Taala yang menjadikan kita insan yang lemah. Dengan sentiasa berpegang teguh kepada ajaran agama dapat menjadikan kita seorang insan yang seimbang, penyabar, bermotivasi, mempunyai sifat bertimbang rasa dan melakukan sesuatu perjuangan itu dengan penuh keikhlasan hati. Insya-Allah, perjuangan yang penuh keikhlasan itu adalah mantap dan kemas dan dapat membawa kita menuju matlamatnya. Perlu diingat! Sesuatu perjuangan itu haruslah dijalankan dengan bersungguh. Bak kata pepatah Melayu, 'Genggam bara api biar sampai jadi arang'. Tetapi jangan kita lupa juga bahawa setiap perjuangan itu memerlukan pengorbanan dan halangan-halangannya. Se-

JIKA INGIN BERJAYA SAYA MENGAMALKAN TIGA PRINSIP HIDUP IAITU MEMPUNYAI PANDANGAN, PEGANGAN DAN PERJUANGAN HIDUP.

tiap halangan yang dilepasi itu menjadikan kita lebih yakin dan tabah menempuh kehidupan ini.

Pengalaman-pengalaman yang dilalui juga menjadikan saya lebih peka dan insaf. Saya masih teringat bagaimana hancurnya rasa hati apabila mendapat berita mengenai kematian ayah. Ketika itu, saya sedang menghadapi periksaan akhir semester tujuh. Beliau merupakan pendorong utama dan sentiasa memberikan semangat serta motivasi untuk saya terus berjaya. Secara guru saya pernah mengatakan yang saya sudah agak tua menjadi seorang mahasiswa kerana ketika itu saya berumur 25 tahun. Kata ayah, "berapakah agaknya umur kamu setelah menamatkan 4 tahun pengajian di universiti?"

Saya menjawab, "29 tahun abah." Kemudian katanya lagi, "berapa umur kamu jika kamu tidak masuk universiti setelah 4 tahun?" "Mestilah 29 tahun abah!" saya menjawab. Oleh itu, mana yang baik, berumur 29 tahun dengan mempunyai ijazah ataupun tidak mempunyai apa-apa langsung. Tersentak dan ter-

menung sejenak saya memikirkannya. Faktor umur, bukanlah suatu halangan untuk menimba ilmu.

Ketika di universiti, saya bergiat cergas di dalam kegiatan-kegiatan universiti khususnya di dalam pergerakan pongakap. Saya sentiasa menambah semangat dan azam untuk menjadikan 'the best' di dalam segala bidang yang diceburi. Justeru itu, saya bersyukur kerana diberi kepercayaan menjadi Presiden Pertubuhan Pengakap UPM selama 2 tahun berturut-turut. Juga terpilih sebagai pengakap terbaik universiti. Sebagai seorang yang 'out going' dan inginkan 'adventure' saya mendapat ramai kenalan baru dan pengalaman-pengalaman berpengakap serta ilmu-ilmu kepengakapan yang canggih. Sesungguhnya pengalaman-pengalaman ko-kurikulum seperti ini tidak akan didapat di bilik-bilik kuliah. Saya juga mempelajari kemahiran-kemahiran bersosial dengan lebih baik melalui kegiatan-kegiatan ko-kurikulum.

Setiap individu itu unik. Kerana itu, mengenali dan memahami setiap individu amat menarik. Setiap individu itu mempunyai kelebihan dan kelebihan yang tersendiri. Didalam pengalaman-pengalaman yang ingin saya berkongsi bersama dengan rakan seperjuangan sekalian. Pengalaman-pengalaman yang ditempuhi ketika di luar negara amat berharga dan membuka luas pandangan hidup mengenai ke manusia. Bak kata pepatah Melayu, 'Jauh berjalan, luas pandangan'.

Oleh itu, ayuhlah rakan-rakan mahasiswa-mahasiswa kampus hijau tercinta. Bangunlah dari tidur dan iguanamu dan nikmatilah hari-hari mu ka di hadapanmu dengan satu semangat yang baru, jitu dan prihatin. Penuhilah waktu yang terluang di

kampus ini dengan pengalaman-pengalaman baru yang dapat kamu abadikan sebagai satu nostalgia kehidupan apabila sudah meninggalkan kampus. Janganlah kita sekadar melalui detik 3 atau 4 tahun tanpa apa-apa, tetapi berhentilah seketiaka dan nikmatilah pengalaman-pengalaman yang menarik dan berguna sebagai bekal apabila menghadapi dunia pekerjaan kelak.

Akhir kata, ingin saya rakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berbahagia Prof. Dr. Sulaiman Haji Mohd. Yassin, Timbalan Naib Canselor UPM yang mana banyak memberikan saya dorongan melalui artikel-artikelnya serta ceramah-ceramahnya, Yang Dihormati Encik Yahaya bin Salim, Ketua Penolong Pendaftar HEP yang selalu saya berbincang dan sentiasa memberikan kata-kata perangsang, Yang Dihormati Prof. Madya Taha Abd. Kadir, penisyarat merangkap Penasihat Pertubuhan Pengakap UPM yang turut serta ketika di Eropah yang banyak mengajar saya erti sebuah kehidupan, Encik Rashid Abdullah, Penolong Pendaftar HEP yang sentiasa mempunyai fikiran yang terbuka serta orang-orang perseorangan yang turut serta memberikan bimbingan dan nasihat yang begitu ramai untuk dinyatakan. Hingga bertemu lagi, salam hormat dari saya.



Cik Fatimah Bariah Omar

PEMENANG PINGAT EMAS WANITA UMNO.

Cik Fatimah Bariah bt. Omar, graduan Bachelor Teknologi Makanan telah muncul sebagai pemenang Pingat Emas Wanita Umno bagi tahun ini.

Beliau telah menerima pingat emas sebagai pelajar terbaik keseluruhan itu, daripada Tuanku Canselor semasa Majlis Konvoesyen yang berlangsung di Dewan Besar baru-baru ini.

Beliau telah terpilih sebagai pelajar terbaik berdasarkan kecemerlangan pencapaiannya dalam bidang akademik.

Cik Fatimah Bariah, 24 tahun dari Seberang Takir Kuala Terengganu ini merupakan anak

ke-6 dari 8 orang adik-beradik.

Beliau berhasrat untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi selepas ini dan sekarang ini bertugas sebagai penunjuk ajar (Demonstrator) bahagian kimia.

Beliau yang juga bertugas sebagai 'Research Asistant' di Fakulti Sains Teknologi Dan Makanan ini, telah mengikuti Program Bachelor Teknologi Makanan sejak tahun 1986.

Menurut beliau, 3 orang daripada ahli keluarga beliau kini sedang menuntut di universiti tempatan (termasuk beliau) sementara 2 orang di ITM dan seo-

rang lagi di sebuah Maktab Perguruan.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kampung Kastam, Bukit Gelugur, Pulau Pinang dan seterusnya di Sekolah Menengah Sultan Sulaiman di Kuala Terengganu hingga ke Tingkat Enam Atas.

"Semasa di sekolah dahulu saya bukanlah seorang pelajar cemerlang," kata beliau. Bagi beliau menentukan matlamat utama belajar merupakan faktor penting untuk mencapai kejayaan.

Beliau yang juga telah kehilangan bapa ini, menyifatkan ibunya adalah seorang yang tabah ke-

syarakat mengenai Fenomenon 'penganguran'.

Menurut beliau lagi, rezeki ada di mana-mana dan dalam hal ini pada peringkat pelajar tugas kita di sini adalah untuk mencapai kejayaan yang maksimum dan terbaik.

Beliau melahirkan perasaan gembira atas penerimaan penganugerahan yang sama sekali di luar jangkaan beliau. Walau bagaimanapun beliau bersyukur dan berterima kasih kepada pihak Fakulti Sains Makanan Dan Teknologi serta berharap kejayaan beliau akan menjadi pendorong kepada pelajar-pelajar lain.

"Peluang keemasan mungkin dapat dilalui hanya sekali dalam hidup, oleh itu gunakanlah kesempatan ini seluas-luasnya dan sebaik-baiknya."

"Kehidupan selepas bergraduat adalah penting memandangkan banyak cabaran yang perlu dihadapi akibat perubahan-perubahan yang sedang berlaku, jadi kita harus menjadikan pendidikan dan latihan di kampus sebagai teras untuk memulakan kehidupan di samping masyarakat," antara lain pesanan beliau.

Cik Fatimah Bariah yang pernah menetap di Kolej Kediaman Kelima dan kini menjadi pelajar

luar kampus memberitahu, beliau pernah menjadi Setiausaha Helwani dan ahli Persatuan Mahasiswa Fakulti-fakulti Sains Makanan Dan Bio-Teknologi.

Menurut beliau, penglibatan dalam aktiviti berpersatuan dapat mendidik pelajar untuk membentuk watak serta sikap hidup yang selari dengan aspirasi negara dan mempunyai kebolehan serta keinginan untuk memimpin seterusnya berupaya memberi sumbangan kepada masyarakat.

ROHAIDAH

DAKI GUNUNG

M. ROSLAN ISMAIL

Seramai 39 orang ahli Kelab Rekreasi Kolej Kediaman Keenam Universiti Pertanian Malaysia telah menyertai program Pendakian Gunung Ledang Antarabangsa pada 15 dan 16 September 1990.

Ekspedisi yang disertai oleh 19 orang siswa dan 20 orang siswi ini telah dikenalpasti oleh saudara Nor Azhar Abdul Hamid, pelajar Bachelor Pendidikan Jasmani tahun tiga.

Pendakian Gunung Ledang Antarabangsa ini adalah anjuran Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Persatuan Mendaki Malaysia dan Kelab Rekreasi Kolej Kediaman Keenam.

Program yang julung kalinya diadakan di negara ini adalah satu acara antarabangsa untuk seluruh dunia dan bertemakan 'Mendaki Untuk Keamanan Sedunia', ianya telah dipersempurna dan disahkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menandakan Perayaan Hari Keamanan Antarabangsa pada 16 September 1990.

Sumber kewangan bagi program ini diperolehi dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Pertanian Malaysia, Kolej Kediaman Keenam Universiti Pertanian Malaysia, Kelab Rekreasi Kolej Kediaman Keenam dan juga wang peserta sendiri.

Ketua rombongan ekspedisi ini Nor Azhar yang juga pengurus Kelab Rekreasi Kolej Kediaman Keenam berkata, program pendakian ini merupakan aktiviti yang pertama Kelab Rekreasi bagi semester Julai 1990/91.

"Kami bersetuju menyertai program ini berdasarkan kepada minat ahli-ahli kelab sendiri untuk menyertai pendakian tersebut." Katanya.

Menurutnya objektif utama Kelab Rekreasi Kolej Kediaman Keenam menyertai program pendakian ini ialah:

- Menambahkan pengetahuan dan pengalaman ali-ahli
- Mengembangkan potensi kepimpinan terutama dalam pengendalian sesuatu kumpulan
- Untuk memupuk semangat kerjasama, toleransi dan ketahanan mental di antara ahli-ahli kelab.
- Mengenali negara kita Malaysia secara lebih dekat.
- Memberi peluang kepada ahli-ahli untuk berkenalan dan merapkan hubungan dengan warga asing dari negara jiran.

Para peserta dari Universiti Pertanian Malaysia ini tiada menjalani latihan asas-asas mendaki gunung kerana masing-masing sibuk dengan kuliah dan aktiviti-aktiviti lain di dalam kampus.

Sebagai menguji kemampuan para peserta, mereka telah mengikuti ujian ketahanan fizikal yang telah diadakan beberapa hari sebelum program pendakian itu bermula.

Rombongan dari UPM ini telah bertolak pada jam 11.00 malam 14 September 1990 dari Kolej Kediaman Keenam, dimulakan dengan bacaan doa selamat.

Para peserta dijangka tiba di tapak permulaan pendakian iaitu di Asahan pada jam 4.00 pagi 15 September 1990 tetapi bas yang mereka naiki menghadapi sedikit masalah apabila tayar belakangnya bocor.

Oleh kerana tayar simpanan tidak berfungsi dengan baik serta tidak tempat untuk meminta bantuan pada malam itu ahli rombongan terpaksa bermalam di tepi lebuhraya berhampiran dengan persimpangan tol Air Keroh, Melaka.

Rombongan itu hanya dapat meneruskan perjalanan menuju ke Asahan kira-kira jam 9.00 pagi 15 September 1990 dan tiba di Asahan pada jam 10.45 pagi.

Setelah diberikan taklimat pendakian oleh pegawai Persatuan Mendaki Malaysia, kira-kira jam 11.30 pagi para peserta dari UPM ini memulakan pendakian mereka walaupun mereka terlewat tiga jam dari peserta-peserta lain.

Pendakian pada peringkat awal tidaklah begitu sukar, para peserta tidak menghadapi masalah yang besar sehingga menghalang mereka dari meneruskan perjalanan.

Walaupun begitu masih ada juga masalah yang mereka terpaksa hadapi, keadaan tanah yang licin akibat dari hujan yang turun pada hari sebelumnya. Para peserta juga terpaksa berhenti beberapa kali untuk menghilangkan penat mereka.

Kira-kira jam 4.00 petang kesemua peserta dari UPM telah tiba di tapak perkhemahan Padang Batu, iaitu tempat kesemua peserta program Pendakian Gunung Ledang Antarabangsa ini berkumpul.

Para peserta dari UPM ini dibagi-bagi tugas mengikut kumpulan untuk menyediakan khemah dan makan malam. Di sini mereka berehat agak lama sementara menunggu hari malam.

Jam 8.00 malam barulah mereka meneruskan pendakian ke puncak Gunung Ledang, mereka telah diarahkan supaya tidak membawa beban yang berat kerana untuk mengelakkan sebarang kesukaran nanti.

Turut serta dalam rombongan itu ialah pensyarah Jabatan Bahasa Prof. Taha Abdul Kadir, Encik Zainuddin Hashim dan Encik Yahya Baba.

Menurut salah seorang peserta rombongan, Jalil Yunus, lawatan itu adalah sebagai lawatan sosial mengunjungi beberapa tempat yang sejarah di selatan Thailand.



Mohd. Shah Lassim

MELAWAT SELATAN THAILAND



Peserta sombongan di Patung Ikan Duyung Songkla, Thailand

MATI HIDUP SEMULA, KATA MOHD. SHAH

Oleh Zain Ariff

"Seperti mati hidup semula," begitulah kata-kata pertama yang diberikan oleh kawan-kawan yang lain telah menjadi pendorong kepada mereka untuk meneruskan pendakian.

Namun kata-kata perangsang dan semangat yang diberikan oleh kawan-kawan yang lain telah menjadikan mereka untuk meneruskan pendakian.

Setelah mendaki hampir dua jam lamanya dari kawasan perkhemahan Padang Batu akhirnya mereka berjaya juga menjelaskan kakinya ke puncak Gunung Ledang yang diimpikan.

Segala-galanya telah selesai. Nyawa yang dibaratkan telur di hujung tanduk banyak meninggalkan kenangan manis, pahit, simpati dan maut menjadi pengalaman yang sukar dilupakan hingga akhir hayat.

Kejadian penaklukan Iraq ke atas Kuwait pada 2 Ogos 1990 lalu benar-benar meninggalkan kesan yang mendalam di kelopak hati Dekan Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM, Prof. Madya Mohd. Shah Haji Lassim dan isteri yang terperangkap sebagai tahanan dalam suasana perang yang belum mengetahui kesudahannya.

Selama hampir dua minggu di Kuwait dan Baghdad, berbagai-bagai perkara yang berlaku di depan mata terpaksa dihadapi dengan penuh dugaan, cabaran, keberanian, kesabaran dan tetap percaya Tuhan bersama mereka.

Prof. Madya Mohd. Shah menceritakan pengalaman dan keadaan di sana di satu majlis kesyukuran yang diadakan oleh Fakulti Pengajian Pendidikan yang diketuai oleh Timbalan Dekan (HEP), FPP,

pensyarah dan kiktangan.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia terutama Kementerian Luar Negeri kerana bersungguh-sungguh berusaha bagi membolehkan rakyatnya pulang ke tanahair dengan selamat.

Secara ringkas beliau menceritakan bahawa semua penumpang dalam kapal terbang British Airways di Kuwait dipaksa turun sehelai sepinggang tanpa membawa bersama-sama barang-barang keperluan mereka.

"Yang menakutkan ialah muncung senapang dihalakan kepada kami dan pada masa itu nyawa bila-bila masa sahaja boleh melayang," katanya.

Sebagai orang tahanan, mereka tidak dibenarkan keluar dari tempat penginapan dan hanya mendengar bunyi letupan bom dan senjata api. Askar, kereta kebal dan lori berkawal dan berkeliaran di sekitar bandar itu.

Masa yang agak lama di Kuwait menimbulkan kebimbangan apakah lagi ada kedengaran bahawa kedutaan Malaysia akan ditutup pada 24 Ogos. Mereka berpendapat segala usaha perlu dibuat segera untuk keluar dari wilayah Kuwait sebelum tarikh tersebut.

Rundingan demi rundingan diadakan di antara kedua pihak. Pihak British Airways pula yang bertanggungjawab terhadap penumpang pula menunggu pejabat

Malaysia mengambil keputusan supaya rakyat Malaysia boleh membuat tindakan sendiri.

Campurtangan Kerajaan Malaysia dalam mengatasi masalah ini dapat diselesaikan apabila kedua-dua pihak bersetuju dalam rundingan yang diadakan. Oleh itu, tiga bas disediakan untuk membawa rakyat Malaysia keluar.

Dalam perjalanan ke Baghdad pula terpaksa melalui banyak sekatan jalan raya oleh askar Iraq dan setiap sekatan sangat membimbangkan kerana apa-apa boleh berlaku dalam sekilip mata.

Apa yang membanggakan ialah apabila disebut nama 'Malaysia', pihak askar Iraq tidak memeriksa dengan teliti. Ini mungkin disebabkan hubungan yang baik di antara kedua negara sebelum ini.

Perjalanan ke Baghdad yang biasanya mengambil masa lapan jam sahaja menjadi hampir 22 jam dalam cuaca yang panas terik dan kekurangan bekalan makanan terutama air minuman.

Tambahnya, di Baghdad, pihak rombongan berkongsi membeli bekalan yang secukupnya kerana perjalanan ke Amman, Jordan masih jauh dan pelbagai perkara boleh berlaku, lebih-lebih lagi di kawasan 'no man's land'.

Setibanya di sempadan Iraq dan Jordan pada jam dua pagi terpaksa pula menunggu pejabat

buka pada lapan pagi. Jam dua petang barulah urusan untuk keluar sempadan disiapkan dan seterusnya bertolak ke Amman.

Apa yang menyedihkan berpuluhan ribu rakyat asing masih menunggu untuk keluar sempadan dengan membawa keluarga dan barang-barang keperluan. Keadaan ini sesak kerana dikatakan hanya 2000 orang sahaja dibenarkan keluar sempadan.

Ada di antara mereka dipukul dengan besi dan tali pinggang oleh askar Iraq untuk mengawal keadaan kesakitan.

"Saya tidak sanggup melihat setiap wajah yang melihat bas kami melepas sempadan sedangkan mereka belum tentu nasib masing-masing," sambungnya lagi.

"Welcome to Jordan" itulah kata-kata yang lahir dari mulut salah seorang askar Jordan di dalam bas yang benar-benar memberi harapan dan semangat baru.

"Inilah di antara cebisan pengalaman yang sukar dilupakan malah sehingga hari ini, saya masih termimpimimpikan kejadian yang berlaku di Kuwait dan Iraq," tambahnya.

Bagaimanapun catatan beliau sepenuhnya di krisis Teluk akan dibukukan sebagai berkongsi pengalaman kejadian yang benar terjadi dan sebagai catatan sejarah bermulanya Perang Teluk

Setinggi-tinggi

TAHNIAH

PERLANTIKAN PRO-CANSELOR BARU



YANG AMAT BERHORMAT DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD
D.P., P.S.M., S.P.M.J., D.G.S.M., P.G.D.K., Kt. W.E. (Thailand), K.E.P.N. (Indonesia), S.P.M.B. (Brunei), K.O.U (Korea)

daripada

Kelab Akhbar Mahasiswa.
dan
semua pelajar UPM

Kemalangan jalan raya di kampus

SEORANG MATI, 2 CEDERA PARAH

SEBANYAK 49 kes termasuk seorang terbunuh dan dua cedera parah dalam kemalangan jalan raya di sekitar kawasan kampus UPM sepanjang tahun lalu.

Pengarah Keselamatan, Mejari (B) Sabtu Jasin berkata, antara kemalangan itu ialah 23 kes kereta dengan motosikal, 8 kes motosikal dengan motosikal, 5 kes kereta dengan kereta dan 2 kes di antara lori dengan motosikal.

Katanya, walaupun peraturan dan langkah keselamatan diambil serta dikuatkuasakan tetapi kemalangan masih terus berlaku.

Antara punca kemalangan ialah tidak berhenti di simpang

jalan, memotong sebelah kiri, memandu melebihi had laju, tidak memberi isyarat dan tidak mematuhi peraturan lalulintas.

Manakala beberapa tempat yang dikenalpasti yang dianggap berbahaya ialah di simpang antara Jalan Asam Java dengan jalan utama ke zon fakulti, simpang empat di antara pos kawalan 03 dengan 03A dan persimpangan ke bangunan pusat bahasa baru.

Mejari (B) Sabtu berkata, untuk mengatasi masalah keselamatan dan mengurangkan kemalangan jalan raya, pihaknya mengambil tindakan mendaftar semua kendaraan ke kampus secara berterusan.

Langkah lain ialah mewujudkan sistem jalan sehala, menetapkan had laju, mengadakan kawalan kesesakan lalulintas, mengadakan sekatan jalan raya secara rambang dan menyediakan perkhidmatan bas dalam.

Pihaknya juga tidak akan teragak-agak mengenakan denda dan mengambil tindakan sewajarnya kepada pengguna jalan raya melanggar peraturan lalulintas.

Harapan beliau semoga kes kemalangan akan berkurangan pada tahun ini sekiranya semua pihak terbabit memberi kerjasama mematuhi undang-undang jalan raya.

JUALAN LELONG PERMATA

Salmiah Mohd. Ghazali.

PERMATA atau Persekutuan Wanita UPM telah mengadakan jualan lelong di Bahagian Foyer Hal-Ehwal Pelajar pada 8 September lalu. Bermula pada 8.30 pagi hingga 4.00 petang.

Jualan lelong itu mendapat sambutan menggalakkan telah me-

nerima banyak kunjungan yang terdiri dari pegawai-pegawai di UPM termasuk para pelajar.

Jualan yang digemari oleh para pembeli adalah jualan yang berbentuk makanan, barang-barang hiasan seperti pasu, bunga kaca dan plastik, barang keguna-

an rumah tangga dan pakaian juga ada dijualkan.

Menurut salah seorang ahli jawatankuasanya, hasil kutipan jualan ini akan digunakan untuk derma kebajikan seperti untuk anak-anak yatim.

PERMATA juga ak-

tif mengadakan pertunjukan amal seperti pertunjukan fesyen dan kegiatan lain untuk tujuan kebajikan.

Bilangan ahlinya adalah ramai kerana ia melibatkan isteri pegawai dan pekerja UPM termasuk kakitangan wanita UPM sendiri.

WAN AIDA WAN HASSAN

Laungan 'merdeka' sebanyak tiga kali bergema di malam Replika Kemerdekaan ialah untuk mencapai hasrat integrasi kaum dengan penglibatan pelajar berbilang bangsa.

Katanya, melalui kebudayaan juga boleh memupuk rasa persaudaraan dan semangat kerjasama di kalangan warga kolej tanpa mengira kaum.

Antara acara-acara menarik pada malam itu ialah pantomen yang dipimpin oleh Encik Arifin Said, persembahan teater, deklamasi sajak, tarian dan nyanyian koir.

Ketua Biro Peneranganannya, Nor Aznan Hj. Mahmood berkata,

tujuan utama Malam Replika Kemerdekaan ialah untuk mencapai hasrat integrasi kaum dengan penglibatan pelajar berbilang bangsa.

dekaan.

Nor Aznan berkata laungan 'merdeka' oleh kira-kira 300 penghuni asrama KK5 membuktikan, semangat kebangsaan dan perjuangan demi bangsa dan negara sentiasa wujud di jiwa mereka.

Harapannya agar semangat kerjasama di antara satu kaum dengan kaum lain dapat dieratkan lagi bukan sahaja di kolej kediaman tetapi di tempat lain terutama dengan masyarakat luar kampus.

Merdeka

UJIAN BAHASA INGGERIS WAJIB

Oleh: SAAID MAJID

Semua pelajar baru yang akan memasuki Universiti Pertanian Malaysia (UPM) ini diwajibkan mendudu ujian penempatan bahasa Inggeris bagi menentukan kelayakan mereka mengikuti kursus bahasa itu.

Dekan Fakulti Pengajaran Pendidikan, Professor Madya Mohd. Shah Haji Lasim berkata, kursus ini adalah diharapkan dapat melatih mahasiswa di UPM menguasai kemahiran asas seperti membaca, bertutur dan menulis.

Ujian penempatan itu selalunya diadakan semasa minggu kedua orientasi dan pelajar baru harus bersedia bagi menentukan tahap pencapaian mereka.

Kursus bahasa Inggeris terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Kemahiran Bahasa Inggeris Tahap 1 (BBI 200) pada semester pertama, Tahap Kedua (BBI 201) pada semester kedua dan Tahap Ketiga (BBI 202) pada semester ketiga.

Mereka akan mendudu kursus bahasa itu berdasarkan keputusan seperti berikut:

80% - ke atas - dikecualikan
65% - 79% - BBI 202
50% - 64% - BBI 201, BBI 202
0% - 49% - BBI 200, BBI 201 dan BBI 202.

Prof. Madya Mohd. Shah berkata, selama tiga semester itu, mereka akan mempelajari pelbagai aspek agar mereka dapat menguasai kemahiran bertutur, membaca dengan lancar seterusnya boleh membuat sama ada ayat atau kragan pendek.

Pelajaran secara intensif ini hanya mengulangkaji atau sebagai penyambung ketika di sekolah menengah, malah beliau tidak menafikan kelemahan mereka menguasai bahasa itu bermula dari sekolah.

Katanya, majoriti pelajar baru yang mendudu ujian penempatan

bahasa Inggeris berada dalam kumpulan BBI 200 dan ini membuktikan bahawa pencapaian mereka di tahap yang paling rendah.

Beliau percaya pelajar terbabit berupaya menguasai bahasa itu dengan sukanan yang disediakan dan bersesuaian dengan kelayakan yang ada pada mereka.

Menurutnya, Kementerian Pendidikan juga turut membantu untuk meningkatkan lagi tahap pencapaian bahasa Inggeris dengan menghantar seramai 9 guru bahasa itu di sini.

Kementerian itu juga memberi peruntukan berjumlah \$300,000 bagi menambah dan melengkap makmal bahasa untuk kemudahan pelajar mempelajari bahasa Inggeris dengan lebih berkesan lagi.

Maksud al-hadis

BARANG siapa berbuat dosa sedangkan ia ketawa-ketawa masuklah ia ke dalam neraka sedang ia menangis - nangis.



Antara yang menerima anugerah hadiah Universiti di Majlis Konvoikesyen 1989/90

PEMENANG HADIAH UNIVERSITI

Oleh: Hasmah Muhammad

PELAJAR Bacelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) Mohd. Tajudin Ninggal berjaya memenangi pingat Emas Canselor bagi sesi 1989/90.

Hidayah Anugerah Pelajaran Di Raja pula diperolehi oleh Ruzihan Jantan pelajar Bacelor

Sains (Ekonomi Sumber) dan pelajar Doktor Perubatan Veterinar Kwan Yuk Kwan.

Manakala pelajar Bacelor Sains Pertanian, Ong Chong Guan menerima pingat Emas Alumni dan Fatimah Bariah Omar, pelajar Bacelor Sains dengan Pendidikan (Kepujian)

Makanan mendapat hadiah pingat Emas Wanita UMNO.

Hadiyah Syed Kechik pula dimenangi oleh pelajar Doktor Perubatan Veteriner, Zeenathul Nazariah Abdullah dan Chua Sook Yan pelajar Bacelor Sains dengan Pendidikan (Kepujian)

menerima hadiah Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar.

Canselor UPM, Sultan Selangor telah berkenan menyampaikan hadiah-hadiah itu di Majlis Konvoikesyen yang ke-14 baru-baru ini.



Sebahagian peserta KK5 di malam Replika Kemerdekaan

WAN AIDA WAN HASSAN

Laungan 'merdeka' sebanyak tiga kali bergema di malam Replika Kemerdekaan anjuran Biro Kebudayaan dan Rekreasi Kolej Kediaman Kelima di Gelanggang Bola Tampar KK5 pada 31 Ogos lalu.

Antara acara-acara menarik pada malam itu ialah pantomen yang dipimpin oleh Encik Arifin Said, persembahan teater, deklamasi sajak, tarian dan nyanyian koir.

Ketua Biro Peneranganannya, Nor Aznan Hj. Mahmood berkata,

dekaan.

Nor Aznan berkata laungan 'merdeka' oleh kira-kira 300 penghuni asrama KK5 membuktikan, semangat kebangsaan dan perjuangan demi bangsa dan negara sentiasa wujud di jiwa mereka.

Harapannya agar semangat kerjasama di antara satu kaum dengan kaum lain dapat dieratkan lagi bukan sahaja di kolej kediaman tetapi di tempat lain terutama dengan masyarakat luar kampus.

UJIAN BAHASA INGGERIS WAJIB

Oleh: SAAID MAJID

Semua pelajar baru yang akan memasuki Universiti Pertanian Malaysia (UPM) ini diwajibkan mendudu ujian penempatan bahasa Inggeris bagi menentukan kelayakan mereka mengikuti kursus bahasa itu.

Dekan Fakulti Pengajaran Pendidikan, Professor Madya Mohd. Shah Haji Lasim berkata, kursus ini adalah diharapkan dapat melatih mahasiswa di UPM menguasai kemahiran asas seperti membaca, bertutur dan menulis.

Ujian penempatan itu selalunya diadakan semasa minggu kedua orientasi dan pelajar baru harus bersedia bagi menentukan tahap pencapaian mereka.

Kursus bahasa Inggeris terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Kemahiran Bahasa Inggeris Tahap 1 (BBI 200) pada semester pertama, Tahap Kedua (BBI 201) pada semester kedua dan Tahap Ketiga (BBI 202) pada semester ketiga.

Mereka akan mendudu kursus bahasa itu berdasarkan keputusan seperti berikut:

80% - ke atas - dikecualikan
65% - 79% - BBI 202
50% - 64% - BBI 201, BBI 202
0% - 49% - BBI 200, BBI 201 dan BBI 202.

Prof. Madya Mohd. Shah berkata, selama tiga semester itu, mereka akan mempelajari pelbagai aspek agar mereka dapat menguasai kemahiran bertutur, membaca dengan lancar seterusnya boleh membuat sama ada ayat atau kragan pendek.

Pelajaran secara intensif ini hanya mengulangkaji atau sebagai penyambung ketika di sekolah menengah, malah beliau tidak menafikan kelemahan mereka menguasai bahasa itu bermula dari sekolah.

Katanya, majoriti pelajar baru yang mendudu ujian penempatan

bahasa Inggeris berada dalam kumpulan BBI 200 dan ini membuktikan bahawa pencapaian mereka di tahap yang paling rendah.

Beliau percaya pelajar terbabit berupaya menguasai bahasa itu dengan sukanan yang disediakan dan bersesuaian dengan kelayakan yang ada pada mereka.

Menurutnya, Kementerian Pendidikan juga turut membantu untuk meningkatkan lagi tahap pencapaian bahasa Inggeris dengan menghantar seramai 9 guru bahasa itu di sini.

Kementerian itu juga memberi peruntukan berjumlah \$300,000 bagi menambah dan melengkap makmal bahasa untuk kemudahan pelajar mempelajari bahasa Inggeris dengan lebih berkesan lagi.

SYARAHAN INAUGURAL

'BAHAN-BAHAN TEMPATAN DAN TEKNOLOGI RUMAH KOS RENDAH'

Oleh:

Profesor Abang Abdullah Abang Ali

SUSUNAN:

Fazilah Abdullah

Kerajaan Malaysia sedar akan masalah kekurangan tempat penginapan untuk rakyatnya. Maka dalam RM3 hingga RM5, program pembinaan unit-unit rumah dirancang untuk menampung kekurangan ini dan seterusnya dapat menyediakan tempat tinggal yang selesa dan selamat. Kerajaan juga mengeluarkan pinjaman dengan kadar faedah 5-5½% dengan 25 tahun pembayaran balik untuk kreditannya memiliki sebuah rumah, manakala sektor swasta mengenakan 10% faedah dari pinjaman yang dibuat.

Kadar penghijrahan ke bandar meningkat setiap tahun iaitu 20% dalam jangka masa 20 tahun. Ini menyebabkan

kerajaan terpaksa menambah jumlah unit-unit rumah iaitu 266,500 unit semasa RM4 dan 495,000 unit di dalam RM5.

Namun hasrat ini tidak kecapaian kerana beberapa masalah seperti program khas rumah kos rendah yang dijangka siap pada Jun 1989 telah dilanjutkan tempoh penyiapannya sehingga Disember 1992 dan hanya 7.4% unit rumah dihasilkan dari matlamat 240,000 unit. Unit-unit yang telah siap dibina ini pula dijual dengan harga yang agak tinggi untuk rakyat yang berpendapatan rendah.

Kekurangan rumah dan kos yang tinggi ini menyebabkan masalah lain timbul seperti setinggan. Standard rumah di-

Malaysia adalah baik dan tinggi kerana melibatkan bahan-bahan yang mahal dan diimport di mana memerlukan perbelanjaan yang besar. Malaysia kaya dengan bahan-bahan aslinya yang boleh dipelbagai. Bahan-bahan tempatan ini sebenarnya boleh mengantikan bahan-bahan yang diimport. Kajian patut dijalankan untuk memaksimumkan penggunaan bahan tempatan seperti sekam padi, lime dan tanah jenis laterite yang amat berguna dalam proses pembinaan. Bahan-bahan ini murah dan mudah didapati.

Selain kajian, pendekatan pembinaan unit-unit rumah juga patut diubah. Malaysia terlalu terkongkong dengan ca-

ra yang sedia ada tanpa mencari alternatif. Negara-negara moden yang lain sedang menggunakan pelbagai pendekatan untuk mengatasi masalah kekurangan rumah.

Pendekatan yang paling sesuai ialah pembinaan struktur rumah yang ringkas di mana pemilik boleh mengubahsuai mengikut selera. Ini menjimatkan kos pembinaan dan unit rumah itu boleh dijual dengan harga yang murah. Rakyat pendapatan rendah akan mampu memiliki rumah mereka sendiri.

Profesor Abang Abdullah memberi penerangan supaya menggunakan bahan-bahan tempatan di dalam industri

Biodata:

Profesor Abang Abdullah Abang Ali mula bertugas di UPM sejak awal 1976. Beliau pernah memegang berbagai jawatan termasuklah pensyarah dan jurutera perunding. Prof. Abang Abdullah juga pernah

dilantik sebagai Pesekutu kepada Syarikat Engineering and Environmental Consultants, Profesor Madya dan Timbalan Dekan sebelum dilantik sebagai Dekan Fakulti Kejuruteraan. Pada 1 Januari 1990 sekembalinya dari U.K.

sebagai Fellow Penyelidik Royal Society di Universiti Manchester, beliau dilantik untuk menjawat Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar.

Housing Research Institute (MAHRI). Kajian yang selama ini dijalankan hanyalah dari usaha universiti-universiti, SIRIM dan FRIM di atas minat peribadi tanpa sebuah badan organisasi.

Teknologi penggunaan bahan-bahan tempatan boleh digalakkan dengan usaha mengkaji standard, mereka sebuah kod dan garis panduan tentang bahan-bahan ini.

Masa kini, teknologi sedemikian belum diterima kerana prejidis dan kurang pendedahan mengenai kebaikannya.

Masalah perumahan ini perlu komitmen yang kuat dari kerajaan dan agensi-agensi lain. Kejayaan hasrat negara untuk melindungi rakyat hanya boleh dicapai se-

kiranya negara membantu beban yang ditanggung oleh mereka. Untuk mencapai hasrat itu, kos rumah yang dijual patut bersesuaian dengan kemampuan dan untuk keselesaan mereka.

Teknologi moden yang menggunakan bahan-bahan tempatan adalah di antara alternatif yang patut diambil kira. Kerajaan juga patut membentuk sebuah pusat pemasaran komponen-komponen binaan untuk menggalakkan pembinaan rumah oleh pihak pembina dan rumah buatan sendiri. Pusat pemasaran ini patut menjual pelbagai komponen dengan harga yang rendah dari harga jualan yang standard.

TAN SRI ONG KEE HUI, BEKAS PRO CANSELOR

Salmiah Mohd. Ghazali

TAN Sri Ong Kee Hui telah dilahirkan pada 19 Ogos 1914 di Kuching. Berasal dari keluarga yang cenderung dalam bidang perniagaan. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah St. Thomas Kuching. Kemudian di Sek. St. Andrews, Singapura dengan tawaran biasiswa sebanyak \$50.00 sebulan. Selepas itu, beliau memasuki Kolej Pertanian Malaya, Serdang di dalam bidang pertanian dengan dibantu oleh biasiswa dari Kerajaan Negeri Sarawak.

Tugas pertama beliau ialah sebagai Pegawai Pertanian di Jabatan Pertanian Sarawak iaitu pada tahun 1941. Pada tahun 1946, beliau telah berhenti dari tugas di Kerajaan Negeri dengan menumpukan perhatian kepada bidang perniagaan sebagai Pengarah Urusan Bank Bian Chiang. Hasil usaha beliau bank ini telah dikenali sebagai Bank of Commerce. Dalam masa itu juga beliau telah memegang dua lagi jawatan iaitu Setiausaha dan Pengarah Syarikat Wee Keng Chiang Bhd., serta Pengurus dan Pengarah Urusan Geoblit Seafoods Processing. Pada tahun 1953, beliau menjadi ahli Majlis Perbandaran Kuching. Dilanjut pada 1955 hingga 1969 sebagai ahli Majlis Negeri Sarawak. Dalam

tempoh itu juga, sebagai ahli Majlis Perbandaran Kuching dan ahli Majlis Tertinggi Sarawak. Salah satu tugas yang dipegang olehnya ialah sebagai ketua delegasi kepada beberapa persidangan antarabangsa seperti ketua delegasi Persidangan ECAFE/FAO ke-18 di Tokyo dan Bangkok, Persidangan Colombo Plan Constitution, Melbourne dan wakil mesyuarat antara kerajaan di Jesselton (Kota Kinabalu). Pada tahun 1962 juga sebagai wakil Sarawak di dalam jawatankuasa antara kerajaan dalam Sarawak.

Karier politiknya bermula apabila terpilih untuk bertanding di dalam pilihanraya di peringkat Parlimen dan menang. Ini berlaku pada 15 April 1964. Beliau dilantik sebagai Presiden Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) dari tahun 1959 hingga 1982. Pada 10 Februari 1970, sebagai Menteri Tak Berportfolio setelah diberi kepercayaan oleh pemimpin seperti YTM Tunku Abdul Rahman Putera dan Tun Abdul Razak. 3 Februari 1971, sebagai Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan. Kemudian sebagai Menteri Sains dan Teknologi dan Alam Sekitar. Jawatan lain yang dipegang oleh beliau seperti Pengurus Persatuan Hokkien, Kuching

alam seperti di kawasan perairan khususnya keselamatan pelayaran di Selat Melaka. PUSPATI yang ditubuhkan pada Ogos 1980 bukan hasil dari ilhamnya tetapi beliau telah menjadi penggerak utama bagi Pusat Penyelidikan Atom Tun Dr. Ismail tersebut. Beliau juga telah menyeru masyarakat awam supaya menukar sikap terhadap kemudahan dan keistimewaan penggunaan kereta iaitu dengan membataskan penggunaannya. Akta Arkitek telah tertubuh hasil dari usahanya begitu dengan penubuhan SIRIM dari penglibatan



Tan Sri Ong Kee Hui

September 1973, Pingat Panglima Negara Bintang Sarawak (PNBS) oleh Gabenor Sarawak yang membawa gelaran Datuk pada 1970, Pingat Darjah Kinabalu oleh Yang Dipertua Negeri Sabah pada 1973 dan pada 4 Jun 1975, Bintang Panglima Mangku Negara yang membawa gelaran Tan Sri oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong.

Hasil dari perkawinan, Tan Sri telah mendapat/dikurniakan lapan cahaya mata yang telah berjaya di dalam hidup masing-masing. Di antara kata-kata hikmat yang menjadi pegangan dan amalan beliau ialah;

Lives of all great men all remind us,
We can make our lives sublime,
And Departing leave behind us,
Footprints in the sand of time.

yang kedua;

To thine oneself be true,
then thou can't be false,
to other men.

ja adalah merupakan salah satu cadangannya. Tan Sri juga telah berjaya menjadikan Malaysia di antara negara yang mengiktiraf jawatan ahli kimia. Ketajaman fikiran dalam mengemukakan idea dan pandangan yang bernes dalam setiap perkara yang dibincangkan adalah satu perkara yang tidak dapat dinafikan.

Sebagai membala segalah jasa dan sumbangan beliau, beliau telah dikurniakan Anugerah Ahli Kehormat Persatuan Arkitek Malaysia yang pertama, Pingat Emas dari Institut Sains Malaysia pada 15

Pada 18 Ogos 1990, bersemesta dengan Majlis Konvokesyen UPM yang ke-14, Tan Sri Ong Kee Hui telah dikurniakan Ijazah Kehormat Doktor Persatuan.

LAPORAN

Oleh


Zain Ariff

PASUKAN UPM yang diketuai oleh Ketua Kontinjen, Haji Mohamad Nil Haji Salleh berkata kira-kira 150 peserta muncul sebagai johan keseluruhan di Sukan MASUM 1 di Universiti Teknologi Malaysia September lalu.

Turut serta ke kejohanan itu ialah Ketua Unit Sukan UPM, Encik Yong Bang Kuang, Setiausaha Penyelaras, Encik Mohd. Nor Md. Tan, pengurus-pengurus pasukan dan beberapa kakitangan Unit Sukan.

Daripada sebelas acara yang dipertandingkan, 4 pasukan UPM berjaya menjadi johan, dua naib johan, manakala sepuluh acara berjaya ke peringkat separuh akhir daripada sebelas acara yang dipertandingkan.

Pasukan tenis dan softbol lelaki dan wanita berjaya menjadi johan tiga tahun berturut-turut, badminton lelaki dan bola keranjang wanita muncul sebagai naib



Albert Andau menerima pingat daripada TNC HEP UTM Prof Madya Haji Syed Fahmy.

johan.

Musuh tradisi, ITM terpaksa akur dengan kehandalan tenis lelaki UPM apabila tewas 3-2 di pertandingan akhir. Sebelum itu dalam separuh akhir menumpaskan UIA dengan mudah, 5-0.

Peringkat awal mengalahkan USM (5-0), USM (4-1) dan UKM

(3-2). Pemain-pemain: Alex Chai Su Hean, Yong Wei Shih, Faiz Sani Salleh, Saiful Rizal Ishak, Cheong Woon Teng dan Teo Kee Chiong. Pengurus, Teh Lah Hoong.

Manakala tenis wanita menumpaskan USM, 2-1 dalam perlawanan akhir sebelum menewaskan UTM, 3-0 di pering-

kat separuh akhir. Peringkat awal menundukkan UUM (3-0) dan UM (2-1).

Pemain: Susan Tay Yong Moy, Chua Hong Chuat, Seow Siew Ngo dan Chong Teng Leng.

Pasukan elit softbol wanita pula menewaskan ITM, 7-2 untuk muncul sebagai johan. Sebelum itu mengalah-

kan UKM, (19-4), UM (15-0). Pemain: Kamalawati Mansor, Foong Cahi Peng, Gan Geok Moi, Heng Pay Shy, Lim Chew Sim, Norzah Abdul Ghani, Sim Poh Chuan, Susan Teh, Shamsul Niza, Marsitah Md. Noor, Choo Kon Lee, Sita Lahap, Lim Fian Kee dan Heng Jee Chin.

Bahagian softbol lelaki menjadi johan bersama dengan pasukan UTM, 12-12. Para pemain menunjukkan semangat yang tinggi dan berjuang habis-habisan walaupun telah ketinggalan 1-8. Permainan ditamatkan kerana keadaan cuaca tidak mengizinkan.

Pasukan lain yang ditumpaskan ialah ITM (17-6) dan USM (20-0). Pemain: Abdul Latif Aladdin, Goh Chee Kin, Ali Suman, Sasidharan, Chan Kok Wai, Kelvin Mathew, Michael Govin, Jafri Md. Amin, Lee Kee Moh, Abdul Rashid Halim, Baharuddin Ibrahim, Muhyiddin Harun, Sar-

ni Jaafar, Mohd. Fadla Rahim dan pengurus, Mohd. Aseri Md. Nor.

Pasukan badminton lelaki yang mencipta sejarah baru dengan berjaya memasuki pertandingan akhir sejak pertandingan ini diadakan tumpas kepada UTM, 3-2 sebelum memberi tantangan sengit.

Sebelum itu menumpaskan USM (4-1), ITM (5-0) dan UIA (5-0). Pemain: Koh Teck Seng, Aw Teck Ang, Teh Fui Gan, Goh Heng Huat, Boong Yeng Keun, Lai Ying Luan, Lim Jit Wah dan Zulfadli Zakaria.

Pasukan bola keranjang wanita pula hanya tumpas dua mata sahaja untuk keluar sebagai johan dalam pertandingan secara liga. UM mengambil kesempatan dalam perlawanan pertama di mana pemain UPM belum dalam keadaan bersedia dan keletihan, dengan menewaskan UPM, 39-37.

Pada peringkat awal mengalahkan UKM, (50-21), USM (49-34) dan UTM (90-44). Pemain: Heng Kooi Choo, Fang Sut Lim, Mun Lai Chan, Leow Siet Peng, Chow Kooi Sim, Marina Tamrin, Hwong Hie Yung, Soh Ah Mei, Ooi

Fong Kiew, Foo Wai Choo, Pang Yoon Moy, Khoo Eng Ngo dan pengurus, Chan Mei Fong.

UPM sepatutnya mendapat gelaran naib johan yang ketiga disamping badminton lelaki dan bola keranjang wanita melalui skuasy wanita. Pasukan ini yang menduduki naib johan secara liga dibatalkan oleh urusetia pertandingan.

Alasannya ialah senarai nama yang diberikan melebihi iaitu sepatutnya empat peserta sahaja tetapi UPM menyenaraikan lima peserta. Pihak urusetia sepatutnya mengesan kesilapan ini semasa pendaftaran lagi semoga tidak timbul perkara seumpama ini.

Mereka mengalahkan UTM (2-1), UM (2-1) dan USM (3-0). Pemain: Suseela Dewi, Eng Soo Wai, Lean Chiew Ling, Sherim Wai Ling dan Koh Joon Hoong.

Pasukan yang tewas di peringkat separuh akhir ialah bola sepak yang tewas kepada ITM, 2-3, dan skuasy lelaki tumpas kepada UKM, 5-0. Manakala pasukan bola keranjang lelaki gagal di pusingan pertama.

UPM, JUARA TREK DAN PADANG

UPM berjaya mencipta sejarah mempertahankan kejuaraan di Kejohanan Trek dan Padang antara Universiti-universiti Malaysia (MASUM) dengan memungut 20 pingat emas.

Atlit UPM di kejohanan yang berlangsung di Stadium Bandar Tun Razak itu bukan saja menambah pungutan pingat tetapi berjaya mencipta empat rekod baru.

Pelari pecut kebangsaan dari UPM, Safuan Haji Taib berjaya memecahkan rekod kejohanan bagi acara 100 meter dengan kepentasan 10.5 saat.

Pelari sensasi ini mewakili Malaysia ke sukan Asia di Beijing bagi acara yang sama dan 4 x 100 meter.

Manakala Andrian Ali Ismail turut mencipta rekod baru dalam acara lompat kijang dengan lompatan sejauh 14.14 meter.

Gandingan pelari 4 x 100 meter yang terdiri daripada Safuan, Maulanir, Krishnamoorthy dan Khairil berjaya mencatat rekod baru dengan masa 43.2 saat.

Menurut pengurus pasukan, Encik Abdul Majid Ambak, pasukan UPM juga membawa pulang 13 perak dan 6 gangsa.

Sementara itu dua atlit wanita berjaya mencipta rekod baru dalam acara 5km jalan kaki iaitu Chua Poo Chu

100m), dengan masa 43.2 saat, Sitrarasu (10km jalan kaki) dengan masa 56:36.3s, Runganathan (800m) dengan masa 1:58.7s, gembungan Maulani, Krishnamoorthy, Runganathan dan Ahmad Rubil (4 x 400m) dengan masa 3:29.7s, dan Chan Kok Wah (decathlon) dengan mendapat 4785 mata.

Pemenang pingat perak: Sitrarasu (500m), Yuzaidi Yusof (400m lompat pagar), Ahmad Ruhil Ahmad (400m), Albert Andaus (10,000m). Ithnin Mahadi (110m lompat pagar), Ganisan (800m), KHairil Annur (lompat jauh) dan Chong Jit Keong (lompat tinggi). Pemenang pingat gangsa: Indran (5,000m), Albert Andaus (5,000m), Maulani Taiman (100m), Keng Kooi Tick (10,000m), Albert Andaus (3,000m lari berganti).

Pemenang pingat perak: Sitrarasu (500m), Yuzaidi Yusof (400m lompat pagar), Ahmad Ruhil Ahmad (400m),

Albert Andaus (10,000m). Ithnin Mahadi (110m lompat pagar), Ganisan (800m), KHairil Annur (lompat jauh) dan Chong Jit Keong (lompat tinggi).

Pemenang pingat gangsa: Indran (5,000m), Albert Andaus (5,000m), Maulani Taiman (100m), Keng Kooi Tick (10,000m), Albert Andaus (3,000m lari berganti).

Pemenang pingat emas bagi wanita: Angeline Kong (100m)

dengan masa 13.1 saat, Chua Poo Chu (5km jalan kaki) dengan masa 27.1s, dan pelari berganti Angeline, Rosmah, Mee Lin dan Wanitha (4 x 400m) dengan masa 4:24.1s.

Pemenang pingat perak: Oi Sok Lee (5km jalan kaki) Rosmah Sardik (lompat jauh),

Angeline Kong (400m), Thiruchelvi (1,500m) dan Rosmah Sardik (100m lompat pagar).

Pemenang pingat gangsa: Thiruchelvi (800m) Ong Ee Siew (lontar peluru), Cassandra Chan (3000m) dan Lee Mee Fung (5km jalan kaki).



UPM tetap unggul



GAGAH – atlit UPM menerima pingat

SUKAN UPM

DEMONSTRASI TAE-KWAN-DO

RAHA R.

Demonstrasi tae-kwan-do sempena Pesta Konvo UPM baru-baru ini telah diadakan pada 17 Ogos 1990 lalu menunjukkan teknik-teknik mempertahankan diri dan memperlihatkan kekuatan dengan mematahkan kayu dengan tangan dan kaki.

Sebelum ini, tae-kwan-do UPM telah berjaya menjadi johan MASUM dalam acara tae-kwan-do tiga kali berturut-turut dan berjaya memasuki peringkat suku akhir di dalam pertandingan peringkat antarabangsa di Universiti Sepanyol beberapa

tahun lalu.

Dalam Sukan Malaysia (SUKMA) baru-baru ini, 6 daripada 7 peserta tae-kwan-do yang mewakili MASUM adalah ahli tae-kwan-do UPM. Manakala 2 daripada mereka telah berjaya memenangi pingat emas dalam acara Light Weight Wanita dan pingat perak dalam acara Feather Weight Lelaki.

Presiden tae-kwan-do UPM, Sarah Chung telah merangkul pingat emas dalam Sukan SEA di Malaysia baru-baru ini berharap agar tae-kwan-do UPM akan berjaya menjadi johan

dalam pertandingan MASUM di UKM tahun ini.

Beliau juga bercadang untuk mengadakan Kursus Pengadilan untuk mengenalkan ahli kepada peraturan pertandingan tae-kwan-do dan pihak pengurusan tae-kwan-do juga memohon pejabat sendiri dan bilik jahitan khas daripada pihak HEP UPM.

Harapan beliau, agar permohonan ini diluluskan bagi melatih ahli secara intensif untuk meningkatkan mutu pencapaian tae-kwan-do UPM bagi mengharumkan nama universiti ini.

ROAD RELAY UPM

Ahmad Jusoh

Kolej Tun Perak (KTP) berjaya mengelakkan kejuaraannya dalam pertandingan lari berganti-ganti jalan raya UPM bahagian lelaki bagi dua tahun berturut-turut, anjuran pelajar tahun satu Bac. Pendidikan Jasmani yang diadakan di UPM Serdang pada 5 Sept. lalu.

KTP yang diwakili oleh Mohd. Zawawi Ismail, Abd. Manaf Musa, Heng Kooi Tick, Goh Heng Huat, T. Poobalan dan Krishnamoorthy mengambil masa 54 minit 25.32 saat

untuk menamatkan larian mereka.

Tempat kedua dimenangi oleh Kolej Kediaman Ketiga dengan masa 54 min. 53.10 s. manakala Kolej Kediaman Kedua mendapat tempat ketiga dengan masa 55 min. 15.25 s.

Bahagian wanita pula, tempat pertama dan kedua telah dimenangi oleh Kolej Kediaman Ketiga manakala KTP mendapat tempat ketiga.

Pingat dan piala kemenangan telah disampaikan oleh pengetua

Kolej Kediaman Cikgu Rashid, Prof. Madya Dr. Yahya Mat Hasan.

Sebanyak 27 pasukan lelaki dan 16 pasukan wanita telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut. Semua kolej telah menghantar pasukannya kecuali Kolej Pendita Zaba.

Jarak larian bagi peserta lelaki sejauh 2.4 km sementara peserta wanita sejauh 1.5 km. untuk seorang peserta dan laluan larian adalah di sekitar kampus UPM Serdang.

BADMINTON TECK SENG JUARA LELAKI

WAN AIDA WAN HASSAN

Koh Teck Seng berjaya muncul sebagai juara perseorangan lelaki dalam Kejohanan Badminton Tertutup UPM yang berlangsung pada 1-5 September ini.

Naib Johan dimenangi oleh Aw Tek Ang, manakala tempat ketiga ialah Abdul Rahman Ajam.

Dalam bahagian beregu pula, Lai Ying Luan yang berpasangan dengan Lim Jit Wah muncul sebagai Johan.

Tempat kedua dimenangi oleh Koh Teck Seng dan pasangannya Goh Heng Huat. Manakala tempat ketiga ialah Ghaffar Bakar dan Zulfadzli.

Bagi acara beregu wanita pula, Tan Lee Sian dan Teh Bee Chai menduduki tempat kedua dimenangi oleh Chua Kah Lee dan rakannya Low Mai Geok.

Kejohanan Tertutup UPM ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Badminton Pelajar UPM.

Kira-kira 1,000 peserta yang menyertai Larian UPM 10 km yang dianjurkan oleh PJ Endeavor, Unit Pendidikan Jasmani (FPP) pada 9 September 90 yang lalu.

Larian UPM yang jumlah kali diadakan turut mendapat kerjasama dari Persatuan Olahraga Kajang dan TNC (HEP) Prof. Dr. Sulaiman Mohd. Yassin telah mlepaskan semua peserta.

Sebanyak lima kategori dipertandingkan yang disertai oleh pelajar UPM, pelajar jemputan dan juga murid-murid sekolah menengah.

Dalam acara Lelaki Terbuka juara disandang oleh M. Jayabalan a/l M. Chandrages dan

naib johan ialah A. Vadivelu dan ketiga R. Rajendren.

Nageswari muncul sebagai johan Wanita Terbuka diikuti oleh Thiruchelvidan dan ketiga, Rosmah Sardik.

Bagi acara Lelaki Veteran pula dimenangi oleh S. Muniandi dan kedua C. Villain dan ketiga ialah B. Isaac Ross.

Bagi acara sekolah menengah lelaki, S. Divagaran dari Semenyih muncul sebagai johan, kedua Gunasegaran dari Kajang dan ketiga ialah Vignesparam dari Sentul.

Manakala bahagian Wanita Doon Vodi Na dari Sekolah Menengah Engku Husin keluar sebagai johan. Tempat kedua dan ketiga, Sivava-

mi dan Paraheswary dari Sekolah Menengah Puchong.

Hadih penghargaan penyertaan terbanyak dimenangi oleh Sekolah Menengah Sri Serdang, Maktab Perguruan Ilmu Khas, UPM, dan Kolej Ke-4.

HADIAH-HADIAH:

Hadih irungan selain medal

Kategori Lelaki Terbuka, Lelaki Sek. Menengah dan Lelaki Veteran Terbuka;

TEMPAT:

1. Wang tunai \$80.00 serta sepasang kasut Asic Kit Bag.

2. Wang tunai \$50.00 serta track suit Asic.

3. Wang tunai \$30.00 serta Asic Kit Bag.

4. Wang tunai \$15.00 serta Ke-meja-T Asic.

5. Wang tunai \$10.00 serta sepasang stoking Asic.

Kategori Wanita Sek. Menengah & Terbuka.

TEMPAT:

1. Wang tunai \$80.00 serta sepasang kasut Asic.

2. Wang tunai \$50.00 serta track suit Asic.

3. Wang tunai \$30.00 serta Asic Kit Bag.

4. Wang tunai \$15.00 serta Ke-meja-T Asic.

5. Wang tunai \$10.00 serta sepasang stoking.



Sebahagian peserta menyertai Larian UPM 10km

GIMNASIUM KENYALANG TERBESAR DI KAMPUS

Seluruh penghuni Kolej Kediaman Ke-2 (KK2) memang patut berbangga kerana terdapat sebuah gimnasium yang baik. Ianya terletak di Bangunan Bawah Blok Merpati Kolej tersebut.

'Kos pembinaannya adalah sebanyak \$150,000 termasuk barang-barang dan alat yang terdapat di dalamnya', demikian kata Pengurus KK-2, Puan Wan Azwa.

Beliau juga menjelaskan bahawa peruntukan pembinaan sebanyak \$100,000 adalah hasil sumbangan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Amar Haji Taib Mahmud.

Terdapat 18 jenis alat sukan

di sini. Bermakna ia adalah sebuah bilik gimnasium yang terbesar di Kampus berbanding yang ada di Unit Sukan sendiri.

Di antara kemudahan yang disediakan di sini ialah hot shower dan bilik air yang sempunra.

Kad ahli, boleh didapati dengan membayar \$5.00 setahun. Yuran masuk untuk pelajar pula ialah \$15.00 satu semester (untuk pelajar KK-2 sahaja), \$20.00 satu semester untuk pelajar luar dan staf.

Gimnasium ini dibuka setiap hari. Pelajar dan staf lelaki boleh menggunakan其nya pada hari Selasa, Khamis, Sabtu

dan petang Ahad. Manakala bagi perempuan pula pada hari Isnin, Rabu, Jumaat dan pagi Ahad.

Puan Wan Azwa juga menjelaskan sehingga ini, sambutan yang diberikan terhadap gimnasium tersebut memang menggalakkan. Beliau jug meyeru agar lebih ramai lagi pelajar dan staf menggunakan gimnasium bagi meringankan beban dalam akademik di samping menyihatkan badan.

Borang penyertaan boleh didapati terus di pejabat am KK-2 atau menelefon dengan sambungan — 3004.

SIDANG REDAKSI:

PENAUNG:

Y.Bhg. Prof. Dr. Sulaiman Hj. Mohd. Yassin
Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar)

PENASIHAT:

Tuan Haji Yusof Ahmad
Timbalan Pendaftar Canselor
Encik Yahaya Salim
Ketua Penolong Pendaftar HEP

Tuan Haji Afifi Haji Ahmad
Penyunting Kanan
Encik Abdul Rashid Abdullah
Penolong Pendaftar HEP

KETUA EDITOR:

Mohd. Zain Ariff
Editor:
Norhanida Noordin Merican
Hasni Hassan

KETUA REKABENTUK:

Saadid Majid
Ketua Pengedaran:
Husain Osman
Norazuwa Mohd. Pahri

KETUA PENGIKLANAN:

Nik Shafirudin Nik Shahar Shah
Ahmad Jusoh
Pemberita:
Anggota Kelab Akhbar Mahasiswa.